

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI RABU : 9 OKTOBER 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 1

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji keberkesanan sistem perlindungan sosial di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah disifatkan oleh Pelapor Khas PBB sebagai “*fragmented*” dan tidak mempunyai kakitangan pekerja sosial yang mencukupi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 7

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- a) Jumlah pekerja sosial yang berkelayakan di negara kita dan nisbah mereka kepada penduduk, berbanding dengan ideal antarabangsa yang diterima; dan
- b) Langkah-langkah Kementerian untuk membawa profesion Rang Undang-undang Pekerja Sosial ke Parlimen bagi meningkatkan profesion dan penyampaian perkhidmatan dalam bidang ini.

JAWAPAN:

Tan Sri Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan YB Petaling Jaya bertarikh hari ini bersekali dengan pertanyaan YB Ipoh Timur pada 12 November 2019 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Tan Sri Dato' Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelapor Khas PBB yang telah menyatakan bahawa sistem perlindungan sosial di Malaysia adalah '*fragmented*' adalah merujuk kepada sekurang-kurangnya 110 program perlindungan sosial di Malaysia yang dilaksanakan oleh 20 Kementerian dan agensi, bukan sahaja yang berada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Daripada 110 program perlindungan sosial ini, hanya 11 bantuan kebajikan berada di bawah tanggungjawab JKM.

Malah sebelum laporan PBB itu dikeluarkan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mei 2019 telah pun bersetuju supaya Majlis Perlindungan Sosial Malaysia atau *Malaysia Social Protection Council* (MySPC) yang telah ditubuhkan pada 28 Oktober 2016 diaktifkan semula sebagai badan induk penyelarasan dasar dan program perlindungan sosial bagi memperkasakan sistem perlindungan sosial negara.

Di bawah MySPC ini, yang diurusetikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), satu Jawatankuasa Teknikal Perlindungan Sosial telah ditubuhkan bagi menyelaraskan empat (4) Jawatankuasa Kerja, di mana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah diberi mandat untuk mengetuai Jawatankuasa Kerja Bantuan Sosial.

SOALAN NO. : 1

Antara skop Jawatankuasa Kerja Bantuan Sosial adalah:

- (i) Menganalisa dan mengenal pasti jurang bantuan sosial;
- (ii) Mengkaji semula dan mengenal pasti bantuan untuk kumpulan rentan dan kumpulan sasaran agar ianya bersifat *complementary* dan tidak berlaku pertindihan; dan
- (iii) Penggunaan sumber yang optimal berdasarkan kekangan fiskal.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perlindungan Sosial telah diadakan pada 12 September 2019 manakala Mesyuarat MySPC akan diadakan pada 3 Disember 2019 bagi membincangkan draf Pelan Induk Perlindungan Sosial Kebangsaan serta cadangan untuk mewujudkan Sistem Pangkalan Data Nasional Perlindungan Sosial.

Tan Sri Dato' Yang di-Pertua,

Seperti mana YB sebutkan, memang tepat bahawa pada masa ini, JKM tidak mempunyai kakitangan pekerja sosial yang mencukupi.

Berdasarkan kajian oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang telah mula pada 26 November 2018 dan siap pada Jun 2019, nisbah Pekerja Sosial di JKM berbanding populasi penduduk Malaysia adalah **1:8,576** (Seorang Pekerja Sosial di JKM kepada 8,576 orang penduduk Malaysia). Nisbah ini memang besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti 1:490 di Amerika Syarikat, 1:1,040 di Australia, 1:3,025 di United Kingdom dan 1:3,448 di Singapura.

Ini ditambah lagi dengan kepelbagaian fungsi di luar skop kerja yang terpaksa dipikul oleh pegawai JKM menyebabkan berlaku ketidakcekapan dalam pengurusan perlindungan sosial.

Oleh itu, Kementerian sedang mengambil beberapa langkah perubahan agar JKM dapat memberikan fokus kepada skop tugas pekerja sosial iaitu pengurusan kes (*case management*) kepada kumpulan sasaran. Antaranya adalah melalui pengwujudan Akta Profesion Kerja Sosial yang dijangka akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada bulan Disember 2019. RUU ini bakal mengukuhkan lagi peranan dan keberkesanan perkhidmatan

SOALAN NO. : 1

pekerja sosial agar ianya bertepatan dengan cabaran masalah sosial yang semakin kompleks.

Bagi menangani masalah kekurangan kakitangan pekerja sosial, Kementerian telah mula berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) agar perkara ini dapat diselesaikan. Pada masa yang sama, Kementerian juga bercadang untuk meningkatkan kolaborasi bersama pertubuhan-pertubuhan NGO dalam memastikan kumpulan sasar menerima perlindungan sewajarnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mekanisme pelaksanaan Program Sarapan Percuma (PSP) untuk semua pelajar sekolah rendah mulai tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sepuluh (10) pertanyaan yang berhubung kait dengan Program Sarapan Pagi. Oleh itu izinkan saya menjawab pertanyaan hari ini serentak dengan pertanyaan daripada:

1. **YB Jerai dan YB Beruas pada hari ini 9 Oktober 2019;**
2. YB Ledang pada 21 Oktober 2019;
3. YB Bandar Kuching pada 24 Oktober 2019;
4. YB Pasir Salak, YB Sembrong dan YB Sibu pada 6 November 2019;
5. YB Jempol pada 12 November 2019; dan
6. YB Rasah dan YB Padang Serai pada 21 November 2019.

OBJEKTIF PROGRAM SARAPAN PAGI

Tuan Yang di-Pertua,

Program Sarapan Pagi (PSP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah bertujuan untuk memberikan makanan tambahan yang memenuhi keperluan nutrisi penting bagi pertumbuhan fizikal dan kognitif murid-murid di sekolah rendah. PSP adalah berfokuskan kepada *nutrition security* yang bertujuan membekalkan makanan yang berkhasiat mengikut nilai kalori dan amalan pemakanan yang seimbang.

Laporan Teknikal ***National Health and Morbidity Survey 2017-Adolescent Nutrition Survey (NHMS)***, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyatakan status pengambilan sarapan pagi dalam kalangan murid-murid bersekolah di Malaysia adalah tidak menyeluruh. Dapatan tinjauan ini menunjukkan bahawa 70% pelajar tidak bersarapan ketika mereka pergi ke sekolah. Manakala Laporan Bank Dunia bertajuk *Malaysia Economic Monitor: Realizing Human Potential*, 2018, menunjukkan kadar kanak-kanak yang terbantut masih tinggi di Malaysia. Bukan itu sahaja, kajian ada juga telah menunjukkan bahawa pengambilan sarapan pagi mempunyai kesan positif kepada perkembangan kognitif dan pencapaian pelajar di sekolah.

NO. SOALAN : 2

Justeru, tindakan pencegahan perlu dilaksanakan dengan menerapkan amalan pemakanan yang seimbang dalam kalangan **semua murid** sekolah rendah melalui pengambilan sarapan pagi yang berkhasiat.

KPM bertanggungjawab melaksanakan PSP dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, institut pendidikan tinggi awam (IPTA) dan NGO. KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana di peringkat Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi memastikan pelaksanaan PSP berjalan lancar, memenuhi objektif dan dapat dilaksanakan secara berterusan.

Projek rintis PSP telah dijalankan di tujuh (7) buah sekolah bermula September hingga November 2019. Sekolah rintis yang dipilih merupakan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah orang asli mengikut kawasan bandar dan luar bandar di empat (4) buah negeri mengikut enrolmen yang pelbagai, antara 47 murid hingga 2,380 murid. Dapatan rintis ini akan dijadikan panduan untuk pelaksanaan PSP di seluruh negara.

KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan PSP dicadangkan melalui dua (2) mekanisme. Mekanisme pertama ialah pengoperasian PSP selama 30 minit menggunakan kombinasi menu utama dalam bentuk makanan bermasak dan menu buah-buahan. Mekanisme kedua pula ialah pengoperasian PSP selama 10 minit menggunakan kombinasi menu minuman produk tenusu /minuman berkhasiat dan menu makanan ringkas (berkonsepkan *ready to eat/ grab n go*) seperti roti, biskut, snek bijirin, kuih dan telur rebus. Senarai menu PSP dibangunkan bersama-sama dengan kepakaran pihak KKM dan IPTA bagi memenuhi khasiat yang diperlukan oleh murid.

Waktu pemberian sarapan pagi ialah sebelum jam 8.30 pagi bagi murid sesi pagi dan sebelum 4.00 petang bagi murid sesi petang serta dijadualkan secara berperingkat-peringkat mengikut kesesuaian sekolah.

NO. SOALAN : 2

Waktu makan murid akan dijadualkan secara berperingkat-peringkat dan lokasi tempat makan murid akan dipelbagaikan menggunakan ruang ataupun bilik yang ada di sekolah. Ini dapat memberikan masa untuk murid mencuci peralatan makanan masing-masing. Di samping itu, kaedah makanan di dalam kelas bersama-sama guru merupakan satu langkah praktikal daripada segi ruang dan hubungan mesra guru dengan murid. Guru akan bersarapan dengan murid dan di samping mengambil peluang untuk mendidik tentang khasiat makanan dan adab makan. Ini juga termasuk sebahagian daripada Pendidikan Sivik yang ingin diterapkan oleh kementerian pada waktu ini.

Elemen pendidikan kesihatan diterapkan melalui PSP. Murid mengamalkan pengambilan sarapan yang berkhasiat dan gaya hidup sihat dari segi fizikal dan mental. PSP juga menerapkan nilai-nilai murni, berdisiplin dan adab pemakanan yang baik di samping meningkatkan pengetahuan dan kesedaran aspek kesihatan diri serta mengelakkan pembaziran dalam kalangan murid. Diharapkan PSP ini akan dapat membentuk generasi Malaysia yang baharu yang lebih berpengatahuan berpendidikan sivik, nilai murni dan sihat dan penuh dengan nutrisi. Kita juga mengharapkan supaya melalui PSP ini kita akan dapat membentuk Malaysia yang lebih sihat, membangun dan berdaya produktif.

Sebanyak 2,691,231 murid sekolah rendah di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada PSP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHAYA [TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR) minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam meningkatkan lagi pasaran eksport madu kelulut ke luar negara dan adakah pengusaha madu kelulut di negara kita mampu membekalkan madu kelulut dengan memenuhi piawaian dan kualiti bagi menembusi pasaran antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, madu kelulut merupakan salah satu produk makanan kesihatan yang dikenal pasti mempunyai khasiat antioksidan yang tinggi yang berupaya mengurangkan, meneutralkan serta melindungi sel badan daripada kerosakan akibat radikal bebas. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan madu kelulut sebagai salah satu produk makanan kesihatan dan dijenamakan sebagai *superfood* dari Malaysia di peringkat antarabangsa.

Selanjutnya, pihak Kementerian telah melaksanakan beberapa langkah strategik dalam usaha untuk meningkatkan pasaran eksport madu kelulut di peringkat antarabangsa dan memastikan bekalan yang mencukupi. Langkah-langkah ini termasuk membangunkan standard madu kelulut, penganjuran aktiviti promosi menerusi penyertaan dalam program-program pameran perdagangan di luar negara, membangunkan dokumen Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia Pemeliharaan Lebah dan Kelulut, menyediakan khidmat nasihat, latihan dan peruntukan bagi menggalakkan penternakan dan penghasilan madu kelulut.

Pada tahun 2017, Kementerian telah melancarkan Standard Spesifikasi Madu Kelulut (MS 2683) dan Standard Penternakan Lebah dan Kelulut (MS 2679). Standard ini telah dibangunkan oleh sebuah jawatankuasa kerja yang dianggotai oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), SIRIM, Jabatan Standard Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Institut Genom Malaysia serta turut melibatkan sesi libat urus bersama pemain industri. Dokumen ini telah dibangunkan berdasarkan asas di bawah standard piawaian CODEX STAN 12-1981 *Standard for Honey*, bagi memastikan ketulenan dan kualiti madu kelulut terpelihara serta membendung masalah madu kelulut tiruan.

SOALAN NO : 3

Komitmen Kementerian untuk mempromosikan madu kelulut di luar negara pula telah dilaksanakan melalui penyertaan dalam program pameran perdagangan antarabangsa oleh pejabat-pejabat Perwakilan Pertanian di luar negara seperti berikut:

1. *Halal Market Fair, FABEX 2018, Tokyo, Jepun;*
2. *Middle East Organic and Natural Products Expo 2018, Dubai, Emiriah Arab Bersatu; dan*
3. Program Validasi Pasaran Madu Kelulut di Chicago, Amerika Syarikat pada tahun 2018.

Selain itu, bagi meningkatkan lagi kesedaran mengenai madu kelulut di peringkat antarabangsa, produk ini turut dijadikan sebagai cenderahati oleh pemimpin negara untuk diberikan kepada pemimpin tuan rumah semasa lawatan kerja di luar negara atau dihadiahkan kepada tetamu kehormat luar negara yang melakukan lawatan kerja di Malaysia.

Sebagai usaha memastikan pengusaha madu kelulut di negara kita membekalkan madu kelulut yang memenuhi piawaian dan kualiti yang diterima di pasaran antarabangsa, Jabatan Pertanian sedang di peringkat akhir untuk membangunkan dokumen Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia Pemeliharaan Lebah dan Kelulut yang dikenali sebagai myGAP.AM. Skim pensijilan ini bertujuan mengiktiraf ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik dalam pemeliharaan lebah dan kelulut.

Bagi meningkatkan pengeluaran madu kelulut dan menarik penyertaan belia dalam industri madu kelulut, Kementerian turut menyediakan peruntukan kepada yang berminat untuk menceburi bidang penternakan dan penghasilan madu kelulut. Antaranya di bawah Program Agroprenuer Muda, peserta daripada golongan belia diberi bantuan, dengan sasaran pengeluaran minimum sebanyak 25 kilogram sebulan dengan pendapatan sebanyak RM5,000 sebulan. Berdasarkan rekod Jabatan Pertanian, sehingga kini

SOALAN NO : 3

terdapat 717 usahawan yang terlibat dalam industri penternakan dan pengeluaran madu kelulut. Daripada jumlah tersebut, seramai 20 peserta telah dibantu di bawah Program Agroprenuer Muda berjumlah RM300,000 dalam bentuk input seperti haif/sarang dan bongkah untuk pemeliharaan dan pengeluaran madu kelulut.

Selain daripada itu, Kementerian turut menawarkan perkhidmatan pengembangan seperti khidmat nasihat teknikal dan latihan serta pemindahan teknologi. Perkhidmatan ini diberikan secara langsung kepada pengusaha madu kelulut di peringkat negeri dan daerah oleh pegawai pertanian DOA dan penyelidik MARDI.

Semoga dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini dapat mempersiapkan pengusaha madu kelulut negara dalam membekalkan madu kelulut yang memenuhi piawaian dan kualiti setanding di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan fungsi sebenar KAGAT dalam organisasi ATM, sejauh manakah peranannya dalam menyumbang terhadap pembangunan modal insan terutamanya dalam aspek spiritual "*combat power*" atau dalam kata lain menyemai semangat jihad di kalangan warga ATM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Fungsi Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) berpandukan visi iaitu menjadi penjana kecemerlangan pembangunan kerohanian modal insan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang unggul. Berdasarkan visi ini, misi KAGAT ialah untuk meningkatkan tahap profesionalisme ATM melalui Pendidikan Islam dan Perkhidmatan Keagamaan.

Manakala dalam menyumbang terhadap pembangunan modal insan berkaitan aspek *Spiritual Combat Power* atau menyemai semangat juang/jihad di kalangan warga ATM, ianya adalah melalui Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dalam ATM yang telah diputuskan di dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera bilangan 9 tahun 1991.

Pelbagai program telah dilaksanakan bagi mencapai objektif dasar tersebut, seperti:

a) Program Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI) 561, yang bermatlamatkan untuk melatih dan melahirkan anggota ATM yang mampan menerusi pendidikan dan latihan empat unsur fitrah kejadian manusia iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek secara seimbang bagi merealisasikan aspirasi ATM dalam membina kekuatan rohani anggota.

b) Program Operasi Perisai Akidah, bagi membendung ancaman ajaran sesat, fahaman agama yang radikal dan menyeleweng dikalangan anggota;

c) Kursus Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA) yang menekankan kepada aspek pengetahuan agama Islam dan amalan kepada anggota;

d) Kursus Cepat Baca Al-Quran (CBQ) yang bertujuan membasmi masalah “*buta*” Al-Quran di kalangan anggota; dan

e) Program Semarak Rohani berkonsepkan *Rahmatan Lil ‘Alamin*, merupakan program bersepadu yang dilaksanakan oleh KAGAT yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti solat berjemaah, kursus jenazah, kelas al-Quran, program bacaan al-Mathurat, program qiamullail, Forum Perdana dan lain-lain lagi, yang mensasarkan bukan sahaja kepada anggota tentera dan keluarga tetapi turut melibatkan masyarakat setempat. Bagi meningkatkan aspek spiritual *combat power* di kalangan anggota ATM terutamanya yang berada di kawasan operasi, pihak KAGAT telah melaksanakan beberapa program yang dikenali sebagai Program Dakwah Kawasan Operasi (PRODAKSI) yang melibatkan kawasan operasi ATM di kawasan Pantai Timur Sabah dan Semenanjung Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini pendaftaran semakan kesediaan (*readiness assessment*) Dasar Industri 4.0 Kebangsaan: Industry4WRD.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Permohonan atas talian bagi Program Penilaian Kesiediaan (*Readiness Assessment* [RA]) dibawah Dasar Industry4WRD telah dilancarkan pada 28 Januari 2019. Setakat 22 September 2019, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menerima sebanyak 623 permohonan daripada syarikat-syarikat di seluruh Malaysia kecuali dari Negeri Perlis. Permohonan tersebut akan melalui tapisan bagi memastikan maklumat yang dinyatakan dalam permohonan adalah benar dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Pecahan permohonan mengikut negeri adalah seperti berikut:

i.	Selangor	: 238
ii.	Johor	: 90
iii.	Pulau Pinang	: 79
iv.	Perak	: 45
v.	Kedah	: 33
vi.	Sarawak	: 30
vii.	Melaka	: 25
viii.	Negeri Sembilan	: 21
ix.	Kuala Lumpur	: 19
x.	Kelantan	: 7
xi.	Sabah	: 10
xii.	Terengganu	: 16
xiii.	Pahang	: 10
	Jumlah	: 623

2. MITI bersama-sama dengan pihak agensi dan juga persatuan syarikat pembuatan akan terus berganding bahu meneruskan usaha mempromosi program RA dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan beralih ke Industri 4.0 ke seluruh Malaysia, termasuk di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi memastikan ketelusan dan integriti dalam pemilihan syarikat untuk menjalani program RA, saringan ke atas setiap syarikat dibuat melalui Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu RA. Jawatankuasa-jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil dari kementerian, agensi dan juga industri yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi dan industri. Pemilihan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan bagi memastikan aspirasi untuk menggalakkan peralihan industri ke Industri 4.0 dapat dicapai seperti berikut:

- i. Syarikat mestilah bertaraf Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berdasarkan definisi PKS di bawah SME Corp;
- ii. Syarikat di dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan;
- iii. Syarikat berdaftar yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016;
- iv. Memiliki lesen perniagaan atau lesen pengilang yang sah; dan
- v. Syarikat telah beroperasi selama sekurang-kurangnya 36 bulan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sehingga 22 September 2019, daripada 623 syarikat yang memohon, sejumlah 195 permohonan telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat pemilihan sementara sebanyak 133 syarikat telah dipilih untuk menjalani program RA yang akan dibiayai daripada peruntukan Kerajaan. Baki 295 permohonan sedang dalam peringkat penyaringan dan semakan.

NO SOALAN : 5

Pecahan syarikat yang dipilih mengikut negeri adalah seperti berikut:

i.	Selangor	: 58
ii.	Johor	: 16
iii.	Pulau Pinang	: 20
iv.	Perak	: 5
v.	Kedah	: 6
vi.	Sarawak	: 4
vii.	Melaka	: 9
viii.	Kuala Lumpur	: 4
ix.	Sabah	: 2
x.	Sarawak	: 4
xi.	Kelantan	: 2
xii.	Terengganu	: 2
xiii.	Pahang	: 1
	<hr/>	
	Jumlah	: 133
	<hr/>	

5. Bagi syarikat-syarikat yang tidak terpilih untuk mengikuti program RA yang dibiayai kerajaan, mereka boleh menjalankan RA melalui pembiayaan sendiri dan layak mendapat pelepasan cukai sehingga RM27,000.

Tuan Yang di-Pertua,

6. MITI masih memerlukan penyertaan dari syarikat-syarikat Malaysia untuk menyertai program ini bagi memastikan sasaran untuk melakukan penilaian RA terhadap 500 syarikat pada tahun ini dapat dicapai. Sehubungan itu, MITI dan agensi-agensi berkaitan akan meneruskan program seranta ke seluruh negara bagi memupuk kesedaran dan menggalakkan lebih banyak syarikat untuk menyertai program RA.

7. Dengan sokongan dan bantuan daripada semua pihak, aspirasi Kerajaan untuk membangunkan industri ke arah Industri 4.0 akan menjadi kenyataan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang usaha Kementerian untuk memastikan kerja-kerja Operasi dan Penyelenggaraan dari Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Sarawak dapat dijalankan dengan berkesan bagi semua skim-skim pertanian yang sedia ada. Adakah peruntukan Operasi dan Penyelenggaraan akan ditambah kepada peratusan yang lebih munasabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja Operasi dan Penyelenggaraan (O&M) yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Sarawak antara lainnya adalah kerja pembersihan parit dan tali air, kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan rizab serta kerja-kerja pembaikan infrastruktur sedia ada bagi membolehkan infrastruktur yang telah dibina dapat mengekalkan fungsinya dan berada pada tahap yang optimum.

2. Sebanyak 84 skim yang merangkumi keluasan 91,601 hektar akan dibuat selenggaraan setiap tahun dengan menggunakan peruntukan yang telah disalurkan oleh Kementerian ini. Secara idealnya, jumlah kos O&M yang diperlukan untuk memastikan seluruh kawasan tersebut dapat diselenggara dengan efektif adalah sekitar **RM55 juta** setahun atau **RM600 per hektar** setiap tahun. Dari tahun 2016 hingga 2019 Kementerian telah memperuntukkan sebanyak **RM5.42 juta** untuk *Program Penyelenggaraan Persekutuan Kawasan Luar Jelapang* kepada JPS Sarawak untuk tujuan tersebut.

3. Kementerian ini akan menyalurkan sejumlah peruntukan yang sesuai dan munasabah bagi memastikan semua skim pertanian sedia ada dapat diselenggara dengan optimum dan seterusnya memberi kemudahan yang baik kepada para petani untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN :

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan daripada jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan antara tahun 2013 hingga tahun 2018, berapa jumlah permohonan kewarganegaraan yang diluluskan di bawah Artikel 15(2) dan Artikel 15a Perlembagaan Persekutuan. (Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima 111,142 permohonan kewarganegaraan Malaysia di antara tahun 2013 sehingga tahun 2018 dan 24,327 permohonan kewarganegaraan telah diluluskan).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan sepuluh soalan lain yang turut membincangkan isu sama iaitu berkenaan dengan permohonan kewarganegaraan Malaysia oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu bertarikh 18 Oktober 2019; Yang Berhormat Tanjung Malim bertarikh 21 Oktober 2019; Yang Berhormat Sibu bertarikh 24 Oktober 2019; Yang Berhormat Bera bertarikh 24 Oktober 2019; Yang Berhormat Julau bertarikh 6 November 2019; Yang Berhormat Lanang bertarikh 6 November 2019; Yang Berhormat Kuala Nerus bertarikh 21 November 2019; Yang Berhormat Bachok bertarikh 27 November 2019; Yang Berhormat Kubang Kerian bertarikh 3 Disember 2019; dan Yang Berhormat Kelang bertarikh 3 Disember 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri telah menyatakan di dalam sidang Dewan Rakyat yang lepas iaitu bagi tempoh tahun 2013 hingga tahun 2018, sebanyak 111,412 permohonan kewarganegaraan di bawah semua perkara Perlembagaan Persekutuan telah diterima dan sebanyak 24,327 permohonan telah pun diluluskan.

Statistik berkenaan adalah merangkumi permohonan di bawah semua perkara Perlembagaan Persekutuan dan bukan hanya permohonan di bawah Perkara 15(2) dan Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan jumlah permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) dan Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan dan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia dalam tempoh tahun 2013 sehingga tahun 2018 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

(a) Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan, sebanyak 142 permohonan telah diluluskan; dan,

SOALAN NO : 7

(b) Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, sebanyak 1,683 permohonan telah pun diluluskan.

Bagi tempoh tahun 2018 sehingga 15 September 2019 pula, sebanyak 24,466 permohonan kewarganegaraan di bawah semua Perkara Perlembagaan Persekutuan telah diterima.

Perincian mengenai permohonan kewarganegaraan yang diterima mengikut kategori di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan, sebanyak 4,142 permohonan;
 - (ii) Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan, sebanyak 2,253 permohonan;
 - (iii) Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, sebanyak 10,328 permohonan;
 - (iv) Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan, sebanyak 1,037 permohonan; dan,
 - (v) Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan, sebanyak 6,706 permohonan
- Bagi tempoh yang sama, sebanyak 5,784 permohonan telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia.

Perincian bagi permohonan yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia mengikut lima negara asal pemohon yang tertinggi adalah seperti mana berikut:

- (i) Indonesia sebanyak 2,028 permohonan;
- (ii) India sebanyak 548 permohonan;
- (iii) Thailand sebanyak 416 permohonan;
- (iv) Filipina sebanyak 239 permohonan; dan,
- (v) Vietnam sebanyak 130 permohonan.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa prihatin dengan isu dokumentasi dan pengenalan diri dalam kalangan penduduk di negara ini dan antara langkah yang sedang diambil dalam menangani isu permohonan kewarganegaraan, selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Citizenship Rules 1964, dengan izin, serta

SOALAN NO : 7

perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahataran anak, peraturan Imigresen dan lain-lain adalah seperti berikut:

(i) penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan yang mana kewarganegaraan individu ditentukan berdasarkan status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa sewaktu kelahiran; dan

(ii) pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan bagi individu berkeelayakan sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian selaras dengan usaha Kementerian Dalam Negeri ke atas penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard atau SOP permohonan kewarganegaraan.

Kementerian Dalam Negeri telah memuktamadkan pengemaskinian prosedur pengendalian standard ataupun SOP permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15a Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur 21 tahun.

SOP berkenaan yang akan dilaksanakan bermula tahun hadapan mengandungi mekanisme pemakluman kepada pemohon berkaitan sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak serta tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan di mana Tuan Yang di-Pertua sebelum ini setiap permohonan yang ditolak tidak dimaklumkan sebab-sebab penolakan.

Tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan yang lengkap diterima bermula pada tahun hadapan adalah seperti mana berikut:

(i) di Jabatan Pendaftaran selama tiga bulan 14 hari; dan

(ii) di Kementerian Dalam Negeri adalah selama lapan bulan.

Manakala bagi permohonan kewarganegaraan lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti secara case-by-case

SOALAN NO : 7

mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang dapat ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan kes termasuklah tempoh mendapatkan laporan tapisan keselamatan yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Citizenship Rules 1964 serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuk kebajikan para pemohonan tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warga negara. Sekian, terima kasih.

Sebagaimana saya sebut bahawa setiap permohonan itu kita akan lihat. Pemohon kena memohon dahulu. Kemudian, kalau ada masalah-masalah dari segi dokumentasi dia kita akan maklumkan kepada ini terutama sekali dari segi pengemaskinian maklumat-maklumat yang mungkin tidak dapat kita terima. Itu yang saya sebutkan tadi melalui setiap permohonan itu kita akan lihat dari segi sudut kelayakan seseorang dan dokumen-dokumen yang disertakan sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 9.10.2019 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa peratuskah kadar peningkatan kesedaran pengguna dalam menggunakan hak masing-masing sebagai pengguna dan apakah tindakan yang dilakukan bagi meningkatkan kesedaran mereka tersebut.

JAWAPAN

Yang di Pertua,

Sememangnya menjadi agenda utama Kementerian untuk melahirkan pengguna bijak dan berdaya upaya bagi memastikan persekitaran perniagaan dan perdagangan yang seimbang serta memperkukuhkan kefahaman pengguna terhadap hak-hak mereka sebagai pengguna.

Berdasarkan jumlah aduan pengguna yang telah diterima oleh kementerian, bermula pada tahun 2015, ianya telah menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun di mana purata aduan yang diterima pada setiap tahun mencecah lebih 20 ribu aduan. Trend ini menunjukkan bahawa rakyat semakin sedar untuk menggunakan hak mereka sebagai pengguna dengan menyalurkan sebarang salah laku oleh peniaga kepada pihak kementerian. Begitu juga dengan jumlah pemfailan tuntutan

NO. SOALAN : 8

melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang juga telah menunjukkan trend peningkatan mulai pada tahun 2011 hingga 2018 dengan purata pada setiap tahun mencecah sebanyak 6,835 pemfailan tuntutan. Manakala pemfailan tuntutan dari Januari 2019 sehingga 30 September 2019 sebanyak 3,890.

Sebagai makluman semua, kementerian telah menyediakan 9 saluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan mereka kepada kementerian termasuklah Portal e-Aduan, aplikasi Ez ADU, aplikasi WhatsApp, emel, talian *hotline* dan sebagainya. Tiga saluran tertinggi yang sering digunakan oleh rakyat adalah Portal e-Aduan, aplikasi Ez ADU dan aplikasi WhatsApp.

Selian itu, bagi melahirkan pengguna yang bijak, kementerian telah memfokuskan penerapan pendidikan kepenggunaan yang lebih interaktif kepada generasi muda khususnya pelajar sekolah menengah dan mahasiswa di universiti dalam membentuk generasi pengguna muda yang berilmu, bijak dan bertanggungjawab. Pendekatan pembelajaran ini merupakan inisiatif yang lebih baik dalam menyebarkan maklumat kepenggunaan kepada generasi muda sekaligus mampu untuk dikongsi bersama rakan, warga sekolah, ahli keluarga dan masyarakat setempat.

Kementerian dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) dan Kelab Pengguna Sekolah (KPS) sebagai usaha membudayakan amalan kepenggunaan dalam kalangan generasi muda. Kementerian juga telah membangunkan modul kepenggunaan untuk melengkapkan generasi muda khususnya ahli-ahli KPS dan GPS dengan pengetahuan asas kepenggunaan. Modul ini meliputi 4 bahagian utama iaitu alam sekitar dan kelestarian, pengurusan makanan, pengurusan kewangan dan perlindungan pengguna.

Penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kepenggunaan juga adalah amat penting dalam aspek pendidikan kepenggunaan yang berperanan sebagai penyampai maklumat seperti hak-hak pengguna, berbelanja secara berhemah mengikut kemampuan dan keperluan bagi menangani peningkatan kos sara hidup, kelestarian alam sekitar dan

NO. SOALAN : 8

elemen perlindungan pengguna bagi mengelakkan pengguna menjadi mangsa penipuan dalam perniagaan. Selain itu juga, mereka turut membantu Kerajaan dalam memberikan penjelasan kepada orang ramai berkaitan dasar-dasar Kerajaan.

Selain itu juga, kementerian juga aktif melaksanakan aktiviti penyampaian dan penyebaran maklumat kepenggunaan melalui platform media baharu seperti media sosial yang memberikan pelbagai tips kepada pengguna dalam membuat sebarang transaksi pembelian barang dan perkhidmatan terutamanya transaksi atas talian yang menjadi trend pembelian pada masa kini.

Kementerian sentiasa mengalu-alukan penglibatan orang ramai yang sebahagiannya merupakan ahli Rakan KPDNHEP untuk menjadi “mata dan telinga” kementerian dalam memantau sebarang salah laku oleh pihak peniaga sama ada secara fizikal mahu pun atas talian dengan menyalurkan aduan melalui pelbagai saluran yang telah disediakan oleh kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- a) sama ada audit forensik wajib dijalankan ke atas semua penerima kontrak, lesen dan permit import (AP) sedia ada untuk memastikan tiada ketirisan dan unsur rasuah berlaku dalam pemberian kontrak dan pengagihan AP; dan
- b) bila ianya akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sejak 2009 telah melaksanakan audit pematuhan secara berkala bagi memastikan isu penyalahgunaan AP dapat diselesaikan. Audit pematuhan ini meliputi keseluruhan proses pengimportan sehingga kenderaan tersebut dijual dan didaftarkan. Audit ini juga bertujuan bagi memastikan syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka mematuhi garis panduan sedia ada antaranya termasuklah:

- (i) memastikan perniagaan (pengimportan/penjualan) hendaklah dijalankan oleh syarikat AP Terbuka sendiri tanpa menggunakan syarikat pengantara;
- (ii) tiada pelantikan wakil pengedar;
- (iii) tiada penjualan kenderaan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan kenderaan baharu/terpakai bagi tujuan penjualan semula; dan
- (iv) memastikan tiada pameran/penyimpanan kenderaan di premis syarikat-syarikat lain yang menjalankan perniagaan kenderaan baharu/terpakai.

2. Bagi tempoh 2017 hingga 2018 melalui audit pematuhan ini, sebanyak 9 syarikat sedia ada telah disenaraihitamkan kerana melakukan kesalahan berkaitan penyelewengan AP.

3. Dalam usaha menambah baik pengurusan selain memastikan pengagihan AP lebih telus dan teratur, di bawah Dasar Baharu AP Terbuka yang bermula pada 1 Januari 2019 penambahbaikan berikut telahpun dilaksanakan:

4. Bagi permohonan baru syarikat-syarikat AP Terbuka Kereta dan Motosikal dilantik selepas melalui penilaian dan audit oleh juruaudit luar bertauliah yang telah dilantik oleh Kementerian. Selain itu, beberapa penambahbaikan syarat telah diperkenalkan bagi memastikan dasar ini mencapai matlamat yang ditetapkan dan tidak di salah guna. Antaranya adalah:

- (i) syarikat perlu mempunyai pengalaman minimum dua (2) tahun terkini dalam bidang penjualan dan pengedaran kenderaan, contohnya sebagai penjual terpakai dan dan pengedar kenderaan jenama tertentu seperti Proton, Honda, Perodua dan Toyota ketika audit kelayakan dilaksanakan pada tahun 2016. Syarat ini bertujuan untuk memastikan syarikat benar-benar berkelayakan untuk menjalankan perniagaan dalam bidang penjualan dan pengedaran kenderaan serta mengurangkan potensi berlakunya salah laku seperti penjualan AP; dan
- (ii) bagi mengelakkan unsur monopoli, Kerajaan telah menetapkan supaya pemegang saham syarikat yang telah dilantik sebagai syarikat AP Terbuka hanya boleh memiliki atau menjadi pemegang saham untuk syarikat tersebut sahaja. Sebarang perubahan saham dan ahli lembaga pengarah setiap syarikat perlu mendapat kelulusan dari Kementerian ini. Bagi syarikat-syarikat sedia ada, mereka perlu mengambil langkah untuk melepaskan pegangan saham dalam syarikat sedia ada yang lain.

5. Di bawah dasar baharu, agihan asas peruntukan AP adalah berdasarkan modal berbayar syarikat dan sebarang permohonan tambahan akan dipertimbangkan berdasarkan prestasi jualan oleh syarikat.

NO SOALAN : 9

6. Kementerian akan terus melaksanakan audit pematuhan terhadap semua syarikat AP Terbuka secara berterusan bagi menilai keberkesanan Dasar Baharu AP Terbuka ini. Penambahbaikan akan dibuat bagi mengatasi sebarang kelemahan sekiranya ada. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak Mei 2018 berapa siri audit telah dilakukan seperti berikut:

Negeri	Bilangan Syarikat	Lawatan Audit Pematuhan / Turun Padang/ Lawatan Cawangan
Kuala Lumpur / Selangor	50	September - Oktober 2018 27 Jun 2019 8 & 28 Ogos 2019 4 & 24 September 2019
Sabah dan Sarawak	10	26 - 31 Oktober 2018 17 Julai 2019
Johor	10	September – Oktober 2018 23 Julai 2019
Pulau Pinang	5	September – Oktober 2018 23 Ogos 2019

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN B. YAAKUB
(MACHANG)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang keperluan untuk mengubah sistem dan operasi sedia ada bagi permohonan Mykad sebagai salah satu langkah mengelakkan kes penjualan kad pengenalan kepada warga asing berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sekali lagi izinkan saya untuk menjawab soalan ini secara bersekali dengan 19 soalan yang lain yang turut membincangkan isu sama iaitu berkenaan dengan kes penjualan kad pengenalan kepada warga asing oleh Yang Berhormat Baling bertarikh 9 Oktober 2019; Yang Berhormat Kota Bharu bertarikh 15 Oktober 2019; Yang Berhormat Rembau bertarikh 15 Oktober 2019; Yang Berhormat Kluang bertarikh 15 Oktober 2019; Yang Berhormat Kuala Krau bertarikh 21 Oktober 2019; Yang Berhormat Beluran bertarikh 24 Oktober 2019; Yang Berhormat Kanowit bertarikh 31 Oktober 2019.

SOALAN NO : 10

Yang Berhormat Ledang bertarikh 31 Oktober 2019; Yang Berhormat Parit bertarikh 6 November 2019; Yang Berhormat Kuala Terengganu bertarikh 12 November 2019 dan 27 November 2019; Yang Berhormat Gerik bertarikh 18 November 2019; Yang Berhormat Jelebu- ini Yang Berhormat Jelebu tadi, hendak jawab-lah ini, bertarikh 18 November 2019; Yang Berhormat Serian bertarikh 21 November 2019; Yang Berhormat Pensiangan bertarikh 27 November 2019; Yang Berhormat Keningau bertarikh 27 November 2019; Yang Berhormat Marang bertarikh 3 Disember 2019; Yang Berhormat Bukit Gantang bertarikh 4 Disember 2019; dan Yang Berhormat Pasir Mas bertarikh 3 Disember 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri memandang serius kes penjualan kad pengenalan MyKad kepada warga negara asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada Polis Diraja Malaysia untuk menyiasat secara menyeluruh agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa. Hukuman bagi kesalahan yang disabitkan adalah bergantung kepada hasil siasatan pihak PDRM, penilaian kes oleh pihak Pendakwa Raya dan keputusan pihak mahkamah berlandaskan undang-undang yang berkuat kuasa.

Berdasarkan siasatan yang dijalankan di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu tinggal di Malaysia setelah pas atau permit tamat atau dibatalkan, Seksyen 12(1)(c) Akta Pasport iaitu menyamar atau mengakui dirinya dengan palsu, Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan Seksyen 26E Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 (Pindaan) 2010 iaitu dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud.

Pihak PDRM telah menangkap 20 orang yang dipercayai terlibat dengan sindiket tersebut bersama beberapa bahan bukti bagi tujuan siasatan. Setelah siasatan lanjut melalui Ops Biru dijalankan, seorang suspek yang merupakan penjawat awam telah dituduh di bawah Seksyen 26E ATIPSOM, Seksyen 466 Kanun Keseksaan dan Peraturan 25(1)(i)

SOALAN NO : 10

Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara (PPN) 1990. Manakala, lima tangkapan lain merupakan ahli sindiket telah dituduh di bawah Seksyen 26E ATIPSOM.

Keenam-enam suspek berkenaan telah dituduh di Mahkamah Tinggi Georgetown, Pulau Pinang. Memandangkan siasatan kes ini masih lagi berjalan, pihak PDRM tidak bercadang untuk mendedahkan apa-apa maklumat agar tidak mengganggu PDRM dan Jabatan Pendaftaran Negara mengesan dalang dan pihak-pihak yang terlibat dalam kes berkenaan.

Berhubung dengan penambahbaikan Jabatan Pendaftaran Negara, satu mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem Penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri telah diadakan pada 18 September 2019 dan memutuskan beberapa langkah penambahbaikan serta-merta dan strategi memperkemas sistem penyampaian JPN termasuk memperketat proses pengendalian standard ataupun SOP sedia ada Jabatan Pendaftaran Negara sebagaimana berikut:

- (i) kelulusan permohonan pendaftaran lewat kelahiran hanya dibuat di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya bagi permohonan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 ataupun [Akta 299]. Manakala bagi permohonan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sarawak Cap.10) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap.123), kelulusan permohonan masing-masing dibuat di Ibu Pejabat JPN Negeri dengan kehadiran wakil daripada Ibu Pejabat JPN sebagai ahli panel;
- (ii) meningkatkan kekerapan proses naziran secara mengejut di semua bahagian di JPN termasuk terhadap vendor yang terlibat bagi memastikan pematuhan semua tatacara yang telah ditetapkan;
- (iii) menambah baik aras keselamatan berperingkat agar tidak lagi boleh diakses dengan mudah oleh semua pegawai, sebaliknya perlu melalui verifikasi daripada pegawai atasan;
- (iv) menukar penempatan pegawai JPN secara pusingan ataupun

SOALAN NO : 10

rotation, dengan izin, bagi mengelakkan satu-satu pegawai berada di posisi sama lebih daripada dua tahun untuk meminimumkan salah guna kuasa;

- (v) menyemak dan mengemas kini data rekod kelahiran, kematian dan kad pengenalan di pangkalan sistem JPN bagi mengelakkan penyalahgunaan atau penyelewengan; dan
- (vi) untuk jangka masa panjang, JPN meneliti cadangan agar diwujudkan bank data ataupun DNA atau kaedah-kaedah biometrik lain untuk dimasukkan dalam sijil kelahiran supaya dapat mengekang penyalahgunaan dokumen berkenaan.

Berhubung dengan cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kes penjualan MyKad seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak PDRM telah diberi kuasa penuh untuk menyiasat secara menyeluruh kes ini agar pihak yang didapati bersalah dapat didakwa. Sehubungan dengan itu, buat masa ini tiada keperluan untuk menubuhkan RCI berasingan bagi menyiasat kes berkenaan.

Sebagai tambahan Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh 10 tahun bermula 2009 sehingga 2019, Jabatan Pendaftaran Negara telah menjalankan sebanyak tujuh operasi membanteras kegiatan sindiket penjualan pengeluaran dokumen pengenalan diri palsu. Seramai lapan individu yang bertindak sebagai ejen pengeluaran dokumen pengenalan diri palsu telah ditangkap dan didakwa di bawah Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status rundingan perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership*. Adakah perjanjian ini dapat menjamin akses kepada ubat genetik memandangkan ada percubaan daripada beberapa negara untuk menggunakan bab harta intelek untuk memanjangkan monopoli ubat-ubatan baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) merupakan satu usaha negara-negara ASEAN mengukuhkan integrasi ekonomi dan meningkatkan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN dan juga dengan rakan-rakan dialog ASEAN iaitu China, Jepun, Korea, Australia, New Zealand and India.

2. Sejak rundingan dimulakan pada bulan Mei 2013 sehingga September 2019, sebanyak 28 pusingan rundingan telah diadakan dan sehingga kini, rundingan RCEP telah berjaya memuktamadkan 11 bab atau *Working Groups*, dengan izin iaitu:

- i. kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH);
- ii. perusahaan kecil dan sederhana (SME);
- iii. prosedur kastam dan fasilitasi perdagangan (CPTF)
- iv. *Institutional Provisions*;
- v. Kumpulan Kerja *standards, technical regulations and conformity assessment procedures* (STRACAP), dengan izin;
- vi. *sanitary and phytosanitary* (SPS), dengan izin;
- vii. perolehan kerajaan (GP) yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ketelusan;
- viii. Perkhidmatan Telekomunikasi (TEL);
- ix. Hak Harta Intelek (IPR);
- x. Isu Undang-Undang dan Institusi (LII), dan
- xi. Perdagangan Barangan (TIG),

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berhubung soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Klang, rundingan Bab Harta Intelek dalam RCEP telah dimuktamadkan sewaktu pusingan ke-28 di Da Nang, Vietnam dari 19 hingga 27 September yang lalu. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua serta ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian, Bab Harta Intelek dalam Perjanjian ini tidak mempunyai sebarang peruntukan yang membenarkan monopoli secara berpanjangan keatas ubat-ubatan baru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]
TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan Hospital Pengajar UNIMAS di Kota Samarahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Pembinaan Pusat Kesihatan Prima (*Primary Health Care Centre*) dan Pusat Jagaan Harian (*Day Care Centre*) di Kampus UNIMAS, Kota Samarahan diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Tahun 2015 dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM80juta.

Manakala Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kota Samarahan, Sarawak diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2019 dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM480 juta. Makmal Pengurusan Nilai (VM) bagi projek ini telah diadakan pada 8 hingga 12 April 2019 yang lalu dan makmal telah bersetuju untuk menggabungkan Projek Pembinaan dan Penyiapan Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Kota Samarahan, Sarawak dengan Projek Pembinaan Pusat Kesihatan Prima (PKP) dan Pusat Jagaan Harian (PJH) di Universiti Malaysia Sarawak. Kos keseluruhan (baharu) bagi projek ini berjumlah RM560juta.

NO. SOALAN : 12

Berita baik dari Kerajaan Pusat untuk rakyat Samarahan, projek ini akan menyediakan 300 katil dengan 13 bidang kepakaran, 10 dewan bedah dan peralatan perubatan berteknologi tinggi. Projek pembangunan ini juga akan menyediakan kemudahan perkhidmatan klinikal kepada penduduk di Bahagian Samarahan yang dianggarkan seramai 140,725 orang dan bakal mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Makmal Pengurusan Nilai telah bersetuju bahawa tempoh pelaksanaan bagi Hospital Pengajar UNIMAS dijangkakan selama 48 bulan. Manakala pembinaan PKP perlu disiapkan dalam tempoh 24 bulan yang pertama supaya ianya beroperasi lebih awal. Kontrak pembinaan dan penyerahan bangunan ini dilaksanakan secara berperingkat (*sectional completion*) kepada UNIMAS. Sehingga kini, projek ini sedang dalam proses perolehan dan dijangka Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan pada bulan Mei 2020 dan dijangka siap pada bulan Mei 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
(LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kesiapsiagaan negara kita mendepani cabaran-cabaran dalam aspek perlindungan perairan memandangkan Malaysia dilihat sebagai sebuah negara maritim.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan perairan negara sentiasa terkawal dan dilindungi, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) melaksanakan beberapa operasi secara 24/7 (24 jam dan 7 hari seminggu) di perairan Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu.

Di samping itu TLDM sentiasa berkerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim yang lain seperti Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan kedaulatan maritim negara terpelihara daripada sebarang ancaman.

Kerajaan sentiasa menitikberatkan kesiapsiagaan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) termasuk aset TLDM bagi memastikan kedaulatan dan keutuhan wilayah perairan Malaysia sentiasa terjamin. Kerajaan kini dalam proses mempertingkatkan kesiapsiagaan TLDM melalui Pelan Transformasi 15 to 5 untuk membuat penggantian dan perolehan baru kapal-kapal yang dapat memenuhi keperluan operasi TLDM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PN. HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 9.10.2019

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA** menyatakan:-

- a. Adakah kempen *Buy Muslim First* (BMF) bercanggah dengan undang-undang negara; dan
- b. Adakah kempen BMF ini menyebabkan impak negatif terhadap ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Matlamat Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing dan mampan, khususnya dalam sektor perdagangan pengedaran. Kementerian sentiasa berpegang kepada prinsip perdagangan dengan menggalakkan persaingan dan menentang sebarang bentuk monopoli. Kementerian juga komited untuk melindungi kepentingan dan hak pengguna dengan mengekang kenaikan harga barangan yang membebankan pengguna serta memastikan barangan atau perkhidmatan yang diterima oleh pengguna halal, bersih dan berkualiti.

Hak pengguna untuk membuat pilihan telah dinyatakan di bawah Dasar Pengguna Negara di mana pengguna berhak untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan yang terbaik. Secara tidak langsung ia menyumbang kepada perkembangan ekonomi melalui persaingan untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna.

Dalam Bajet 2019, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk menggerakkan inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM). Inisiatif KBBM adalah bersifat inklusif kerana ia melibatkan semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Di bawah inisiatif KBBM, produk PKS Malaysia akan disenarai tetap di pasar raya besar, pasar raya, kedai serbaneka dan di kedai i-Keep (Inisiatif Kedai Ekonomi Rakyat) melalui sewaan ruang dan rak jualan. Melalui KBBM juga, produk Malaysia berpotensi untuk menembusi portal online seperti Lazada, Shopee dan Presto Mall. Kementerian berharap potensi produk berkualiti dapat dinikmati oleh pengguna melalui penawaran barangan dan perkhidmatan yang terbaik keluaran rakyat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN DR AZMAN ISMAIL (KUALA KEDAH)

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa orang telah didakwa di mahkamah kerana menyebarkan mesej-mesej jelik perkauman sejak Mei 2018 dan nyatakan berapa orang telah dihukum dan jenis hukuman yang dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebarang isu yang melibatkan sentimen perkauman akan ditangani dengan mengambilkira kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam secara menyeluruh berlandaskan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa. Siasatan yang dijalankan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan dilaksanakan secara teliti bagi memastikan tindakan yang diambil dapat meredakan sentimen kebencian antara kaum dan agama. Di samping itu, pihak PDRM turut menjalankan pemantauan ke atas penyebaran mesej-mesej jelik yang disiarkan melalui media sosial dan tindakan sewajarnya menurut undang-undang diambil bagi memastikan keharmonian antara kaum dapat terus dipelihara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Mei 2018 sehingga 15 September 2019, pihak PDRM telah membuka 30 kertas siasatan yang menyentuh isu perkauman. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2 kes telah dituduh di Mahkamah dan masih di dalam peringkat perbicaraan. 10 kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dan arahan kes adalah Tiada Tindakan Lanjut (NFA) manakala baki 18 kes masih dijalankan siasatan oleh pihak polis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 09.10.2019 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah sehingga kini Kementerian masih lagi gagal untuk menstabilkan harga barang hinggan harga barangan asas seperti telur naik sehingga 50 peratus berbanding PRU14.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian ini, harga telur tidak pernah mencatatkan kenaikan yang mencecah paras 50%. Harga barangan keperluan pengguna adalah stabil dan tiada menunjukkan sebarang peningkatan untuk tempoh Mei 2018 sehingga Januari 2019. Walau bagaimanapun, mulai Februari 2019 sehingga Ogos 2019, purata harga barangan keperluan pengguna mula meningkat pada kadar 0.11% hingga 0.74% berbanding Mei 2018. Dalam lingkungan kenaikan ini, sub kumpulan telur merekodkan paras kenaikan harga yang tertinggi iaitu sebanyak 24.69% Februari 2019.

Perubahan Harga Barangan Dari Perspektif Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Inflasi

Tuan Yang Di-Pertua,

Indeks Harga Pengguna (IHP) atau *Consumer Price Index* (CPI) adalah satu indikator yang digunakan untuk mengukur perubahan harga purata barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh isi rumah mengikut 12 kumpulan utama dalam tempoh tertentu. Pengiraan inflasi pula adalah berdasarkan kepada peratus perubahan dalam indeks harga berbanding tahun sebelumnya. Daripada 12 kumpulan utama di dalam bakul barangan dan perkhidmatan IHP, kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (wajaran: 29.5%), Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (wajaran: 23.8%) dan Pengangkutan (wajaran: 14.6%) merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan wajaran dalam IHP di mana **perubahan indeks dalam ketiga-tiga kumpulan ini secara tidak langsung akan mempengaruhi perubahan indeks IHP secara keseluruhannya.**

Berdasarkan analisis, kadar inflasi keseluruhan menunjukkan **trend pertumbuhan yang perlahan dari tahun 2016 sehingga tahun 2018.** Walau bagaimanapun, trend ini merekodkan penurunan pada bulan Januari 2019 dan Februari 2019. Mulai Mac 2019 sehingga Ogos 2019, kadar inflasi kembali merekodkan trend peningkatan. Analisis **kadar inflasi bagi kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol,** turut menunjukkan **trend pertumbuhan yang perlahan** dari tahun 2016 sehingga Ogos 2019. (*Nota : Rujuk graf yang dilampirkan*)

Trend pertumbuhan kadar inflasi bagi sesebuah sub kumpulan seperti kumpulan Makanan adalah **didorong oleh perubahan kadar inflasi oleh pelbagai item di bawah sub kumpulan** tersebut seperti ayam, telur, daging lembu, sayur, ikan dan sebagainya. Berdasarkan analisis bagi **item telur,** trend kadar inflasi ini menunjukkan **peningkatan dari tahun 2016 sehingga bulan Ogos 2019.** Walau bagaimanapun, trend kadar inflasi bagi **item ayam** menunjukkan trend **penurunan** dalam tempoh yang sama.

Dalam erti kata lain, item-item yang di bawah sub kumpulan Makanan mempunyai trend perubahan harga yang berbeza-beza. Walaupun item telur mempunyai kadar inflasi yang meningkat, ini tidak bermakna item-item barangan asas yang lain seperti ayam, daging lembu, sayur atau ikan, akan menunjukkan trend yang sama.

NO. SOALAN : 16

Secara kesimpulannya, walaupun harga telur menunjukkan peningkatan berbanding item lain, ianya tidak boleh dijadikan sebagai indikator yang menunjukkan kenaikan harga barangan komoditi yang lain secara keseluruhannya. Sebagai negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka, kuasa pasaran (*market forces*) berperanan sebagai faktor penentu kepada turun naik harga barangan di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran seperti berikut:

- a. faktor permintaan dan penawaran;
- b. kegiatan manipulasi harga oleh orang tengah;
- c. peningkatan kos logistik dan pengangkutan;
- d. kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding mata wang utama dunia;
- e. peningkatan harga minyak mentah dunia terutamanya petroleum;
- f. perubahan cuaca dan bencana alam;
- g. kos pengimportan yang tinggi terutamanya bagi bahan makanan;
- h. sikap peniaga yang tamak dan mementingkan keuntungan;
- i. kegiatan kartel dan monopoli; dan
- j. peningkatan kos pengeluaran

Walaupun bagaimanapun, KPDNHEP peka dan memandang serius akan trend ini dan langkah penguatkuasaan menerusi **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018** telah dijalankan untuk membanteras aktiviti pencatutan atau pengambilan untung secara tidak munasabah oleh pengeluar telur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO.

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan baharu untuk mengembangkan industri tenusu tempatan. Berapa jumlah penternak tenusu, bilangan lembu tenusu dan kuantiti susu yang dihasilkan setahun untuk memenuhi keperluan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan industri tenusu merupakan salah satu keutamaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) seperti dalam Halatuju MOA: Prioriti dan Strategi tahun 2019-2020. Fokus diberikan terhadap industri ini melalui inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran susu negara di bawah strategi ketiga iaitu peningkatan pengeluaran dalam subsektor ruminan.

2. Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dilaksanakan adalah merangkumi aktiviti pembiakbakaan, tanaman makanan ternakan khususnya napier, transformasi usahawan tenusu dan peningkatan kualiti susu. Projek rintis telah bermula di Lembah Tenusu Muadzam yang melibatkan penternak-penternak dari negeri Pahang, Negeri Sembilan, Johor, Selangor dan Perak.

3. Program ini mensasarkan tambahan pengeluaran susu negara sebanyak 20 juta liter untuk tempoh 5 tahun sehingga tahun 2022. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah program ini adalah seperti berikut: -

- i. program pembiakbakaan baka tempatan bagi pemantapan baka lembu tenusu tempatan seperti baka Mafriwal melalui kaedah pembiakbakaan dan pemilihan baka yang mempunyai prestasi pengeluaran susu yang tinggi;
 - ii. program transformasi usahawan berskala besar bagi membantu memperkukuhkan prestasi pengeluaran susu bagi usahawan tenusu di sepanjang rantai nilai industri dengan memperkenalkan insentif pembelian lembu tenusu dan tangki susu secara *reimbursement*; dan
 - iii. program pembangunan tanaman rumput napier sebagai sumber bagi ternakan lembu tenusu bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan dapat dibekalkan secara berterusan melalui pembuatan silaj mahupun secara segar.
4. Sehingga kini, terdapat seramai 764 penternak tenusu merangkumi 76 orang penternak komersial, 91 orang penternak semi-komersial dan 597 orang penternak kecil melibatkan populasi lembu tenusu sebanyak 33,508 ekor di seluruh negara. Pengeluaran susu segar bagi tahun 2017 adalah sebanyak 37.9 juta liter, dan anggaran pengeluaran pada tahun 2018 adalah 40.4 juta liter dan tahap kadar sara diri 61.44%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI AZALINA OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membolehkan ibu warganegara Malaysia mendapatkan status kewarganegaraan bagi anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara dengan asas yang sama dengan bapa warganegara Malaysia memandangkan ramai ibu warganegara Malaysia kekal dalam perkahwinan yang bermasalah disebabkan kekangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa individu yang dilahirkan di Malaysia dengan salah seorang ibu atau bapa mereka adalah warganegara Malaysia layak dianugerahkan kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang, tertakluk kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan seperti kesahatarafan anak, pendaftaran perkahwinan, dan lain-lain.

Bagi individu yang dilahirkan di luar negara, kaedah pemerolehan kewarganegaraan adalah seperti mana berikut:-

- a) Kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang di bawah Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan bagi anak kepada lelaki warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, anak tersebut mestilah dilahirkan hasil perkahwinan yang berdaftar di bawah perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia; dan
- b) Kewarganegaraan melalui pendaftaran di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan bagi anak berumur bawah 21 tahun kepada wanita warganegara Malaysia. Dalam hal ini, pertimbangan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan turut mengambil kira dasar Kerajaan yang tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum mengenai permasalahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan ibu warganegara Malaysia yang melahirkan anak di luar negara pihak Kementerian sedang giat menjalankan penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard (SOP) agar ia bersesuaian dengan hala tuju negara dan seimbang daripada aspek kemanusiaan tanpa mengabaikan keselamatan negara serta kesejahteraan warganegara sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai nama-nama syarikat, entiti atau individu yang memegang permit import (AP) supaya rakyat dapat menilai keupayaan atau kelayakan mereka serta tiada ketirisan dan unsur rasuah berlaku dalam pengagihan AP.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai nama 177 syarikat AP Terbuka Kereta dan Motosikal di bawah Dasar Baharu Terbuka boleh dirujuk di portal Kementerian iaitu www.miti.gov.my. Senarai nama syarikat – syarikat ini akan sentiasa dikemaskini berdasarkan polisi yang ditetapkan oleh Kementerian

Kementerian ini juga sejak 2009 telah melaksanakan audit pematuhan secara berkala bagi memastikan isu penyalahgunaan AP dapat diselesaikan. Audit pematuhan ini meliputi keseluruhan proses pengimportan sehingga kenderaan tersebut dijual dan didaftarkan. Audit ini juga bertujuan bagi memastikan syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka mematuhi garis panduan sedia ada antaranya termasuklah:

- (i) memastikan perniagaan (pengimportan/penjualan) hendaklah dijalankan oleh syarikat AP Terbuka sendiri tanpa menggunakan syarikat pengantara;
- (ii) tiada pelantikan wakil pengedar;
- (iii) tiada penjualan kenderaan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan kenderaan baharu/terpakai bagi tujuan penjualan semula; dan
- (iv) memastikan tiada pameran/penyimpanan kenderaan di premis syarikat-syarikat lain yang menjalankan perniagaan kenderaan baharu/terpakai.

Bagi tempoh 2017 hingga 2018 melalui audit pematuhan ini, sebanyak 9 syarikat sedia ada telah disenaraihitamkan kerana melakukan kesalahan berkaitan penyelewengan AP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM (ARAU)

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Wang Kelian telah ditutup kerana mengancam keselamatan di mana terdapat kubur besar rakyat Rohingya di sana dan juga terdapat pelarian tinggal di hutan tersebut. Dalam masa yang sama pusat perniagaan Wang Kelian menjadi lumpuh, tetapi di Thailand pula telah muncul pusat perniagaan baru di sana. Kerajaan boleh menangani masalah ini dengan membuka semula Zon Aliran Bebas di Wang Kelian :-

(a) bilakah pihak Kerajaan bercadang untuk membuka kembali kawasan Zon Aliran Bebas di Wang Kelian ini dalam masa terdekat; dan

(b) apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk membuka semula Wang Kelian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Immigration and Passport (Wang Kelian Free Flow Zone) (Exemption) Order 2009 (P.U.(A) 243/2009) merupakan satu perintah yang mengecualikan rakyat Thailand dari keperluan mendapatkan pas lawatan dan keperluan mengemukakan pasport ke kawasan pintu masuk Wang Kelian di Malaysia serta mengecualikan rakyat Malaysia daripada keperluan mengemukakan pasport ke kawasan Wang Prachan di Thailand. Perintah Pengecualian ini mula berkuatkuasa sejak 19 Jun 2009 dan kemudahan tersebut diberikan bermula dari jam 8 pagi sehingga jam 7 malam sahaja.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menghentikan kemudahan keluar masuk (*free flow*) di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (*Immigration, Customs, Quarantine and Security – ICQS*) Wang Kelian bermula 1 April 2015 bertujuan untuk menguatkuasakan akta dan peraturan berkaitan kawalan keluar dan masuk Malaysia. Ini bermakna rakyat Malaysia yang ingin menyeberangi sempadan perlu melalui pintu masuk yang diwartakan dan perlu mempunyai pasport antarabangsa dan dokumen perjalanan yang sah seperti pas sempadan dan begitu juga sebaliknya untuk rakyat Thailand. Pelaksanaan ini dilaksanakan segera berikutan sebagai langkah kawalan pergerakan keluar masuk dan kawalan sempadan bagi menyekat dan mengekang ancaman serta penyeludupan barangan terlarang yang dilihat menjadi ancaman kepada negara.

Langkah ini akan diteruskan dan pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan semula kemudahan keluar masuk (*free flow*) antara Wang Kelian di Malaysia dan Wang Prachan di Thailand atas faktor-faktor keselamatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]
TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya lebih ramai lagi pelajar-pelajar bukan Melayu tertarik untuk belajar di Sekolah Rendah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan negara seiring dengan perkembangan dunia hari ini. KPM juga komited untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan, rebutan ibu bapa pelbagai kaum, pusat untuk memupuk perpaduan kaum dan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kurikulum, kokurikulum, sukan dan sahsiah. Hal ini selari dengan Manifesto Pakatan Harapan yang jelas menyatakan untuk memastikan Sekolah Kebangsaan menjadi sekolah pilihan rakyat.

Matlamat ini hanya akan dapat dicapai dengan memberikan tumpuan kepada peningkatan mutu dan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Untuk mancapai hasrat tersebut, KPM telah dan sedang menjalankan langkah-langkah berikut :

1. penyediaan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti;
2. pengupayaan pemimpin dan guru supaya cekap, kompeten dan berkualiti;
3. memastikan semua murid Tahap 1 menguasai kemahiran asas membaca, menulis, mengira dan manusiawi (4M);
4. memastikan kemenjadian murid secara holistik yang merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor;
5. penyediaan sistem sokongan yang kuat dan mencukupi;
6. penyediaan iklim dan budaya sekolah yang sihat;
7. penawaran dan pelaksanaan kurikulum berasaskan pelanggan; dan
8. pemantapan aktiviti kokurikulum dan sukan.

Di samping itu, KPM memperkenalkan pembelajaran bahasa ibunda di Sekolah Kebangsaan. Kini terdapat Sekolah Kebangsaan yang menyediakan peluang untuk murid mempelajari Bahasa ketiga seperti Bahasa Cina, Tamil, Arab, Iban dan Kadazan Dusun. KPM juga berhasrat memperluas pengenalan bahasa ketiga di semua Sekolah Kebangsaan dan hal ini telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk Gelombang 3 pelaksanaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM memerlukan lebih sumber dan peruntukan yang khusus untuk memperkasakan Sekolah Kebangsaan yang kebanyakannya terletak di luar bandar. Bagi tujuan ini, KPM sedang memperhebatkan bantuan kepada Sekolah Kebangsaan melalui Program Transformasi Daerah, iaitu salah satu inisiatif di bawah PPPM 2013-2025 yang menyalurkan bantuan kepada sekolah yang paling memerlukan di setiap daerah. Selain daripada itu, KPM juga sedang meneliti kebolehlaksanaan syor Jawatankuasa Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) bagi menambah baik penyampaian pendidikan di sekolah kebangsaan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha terkini pihak Kementerian menangani jerebu rentas sempadan yang berlaku dalam tahun ini dan langkah jangka panjang bagi memastikan perkara ini tidak berulang pada masa yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Punca utama insiden jerebu tahun ini adalah daripada jerebu merentas sempadan seperti yang boleh disemak melalui laman web ASEAN Specialised Metreological Centre di <http://asmc.asean.org> walaupun terdapat beberapa insiden pembakaran terbuka tempatan.
2. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti berikut:

NO. SOALAN : 22

- (i) mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi menangani masalah pembakaran terbuka dan jerebu di dalam negara; dan
 - (ii) mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan lain-lain yang sering terbakar dengan mengadakan operasi bersepadu dengan agensi agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan;
3. Bagi menangani jerebu merentas sempadan pula, langkah-langkah tersebut telah diambil:
- (i) Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysias (TUDM) telah menjalankan operasi pembenihan awan sebanyak 3 kali di Semenanjung Malaysia dan 3 kali di Sarawak dari 12 hingga 23 September 2019 bagi mengurangkan kesan jerebu merentas sempadan;
 - (ii) MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah mengutuskan surat bertarikh 6 September 2019 kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Malaysia telah meminta pihak Indonesia mengambil tindakan segera memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia;
 - (iii) MESTECC telah mengadakan perjumpaan dengan wakil kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur pada 10 September 2019 dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan/ladang di Indonesia;
 - (iv) pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan

Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu merentas sempadan;

- (v) MESTECC telah mengutuskan surat kepada *ASEAN Secretariat* pada 20 September 2019 bagi mencadangkan supaya diadakan mesyuarat *tele-conference* khas di peringkat Menteri untuk membincangkan isu jerebu merentas sempadan; dan
 - (vi) memainkan peranan aktif dalam Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution dan ASEAN Ministerial On Environment (AMME)* yang akan diadakan dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia dan akan mengetengahkan isu jerebu merentas sempadan serta tindakan yang perlu diambil oleh negara anggota ASEAN.
3. Bagi langkah jangka panjang, MESTECC sedang mengkaji untuk menggubal undang undang diperingkat persekutuan dalam menangani isu pencemaran alam sekitar merentas sempadan termasuk jerebu. Dengan adanya undang-undang ini, tindakan boleh diambil ke atas individu/syarikat tempatan yang beroperasi di luar negara yang menjadi punca berlakunya kebakaran hutan/ladang yang menyebabkan jerebu merentas sempadan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah aktiviti penambakan laut "*Penang South Reclamation*" memberi kesan kepada nelayan-nelayan pantai Tanjung Piandang, Kuala Kurau dan Kuala Muda, kerana ini adalah golongan B40 dan apakah kesan kepada pantai berlumpur dan landai yang banyak *Benthic organisms*, yang menjadi tempat penyinggahan burung-burung hijrah di pantai Kuala Gula dan Telok Air Tawar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Penang South Reclamation* (PSR) merupakan projek pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membina 3 buah pulau jadian di bahagian selatan Pulau Pinang. Projek ini melibatkan kerja-kerja tebus guna tanah seluas 1,800 hektar dan dijangka akan mengambil masa antara 30 hingga 50 tahun untuk disiapkan. Kementerian ini secara jelas telah menyatakan pendirian bahawa projek PSR ini akan menjejaskan sumber perikanan dan hasil pendapatan nelayan.

2. Aktiviti pengorekan pasir di perairan negeri Perak bagi tujuan penambakan PSR akan menjejaskan sumber perikanan dan memerlukan tempoh masa yang lama untuk dipulihkan. Dianggarkan sejumlah 35,000 tan metrik dengan nilai berjumlah RM250 juta setahun pendaratan marin akan merosot. Ini seterusnya menyebabkan pendapatan kepada kira-kira 2,300 nelayan pesisir pantai dan 30 penternak akuakultur di Tanjong Piandang, Kuala Kurau dan Kuala Muda terkesan.

3. Aktiviti pengorekan pasir berhampiran Kuala Gula juga akan memberi kesan kepada ekosistem dataran lumpur dan rantai makanan (*sessile benthic organisms*) kepada burung-burung hijrah yang mencari makanan di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, Kementerian juga mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalankan kajian hidraulik secara menyeluruh bagi mengenal pasti potensi impak dan kesan magnitud akibat daripada proses hakisan dan pemendapan seperti yang telah dijalankan bagi projek PSR di Pulau Pinang.

4. Dalam memastikan kelestarian sumber perikanan dan kebajikan nelayan terbela, Kementerian ini juga telah menyarankan supaya langkah-langkah mitigasi mesti dilaksanakan tanpa gagal oleh Kerajaan Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional Kementerian ke atas cadangan penggabungan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 April 2019 telah mencadangkan supaya kedua-dua universiti ini digabungkan kerana mengambil kira beberapa faktor terutamanya untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, memberi nilai tambah kepada mahasiswa, fakulti serta komuniti setempat.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu yang diketuai oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) untuk memastikan proses penggabungan ini dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif.

Melalui perbincangan awal pada 26 dan 27 September 2019, UMT dan UniSZA telah bersetuju untuk menggunakan peluang penggabungan ini bagi memperkasakan lagi kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti.

Beberapa sesi libat urus awal juga telah diadakan bersama-sama pihak berkepentingan universiti iaitu Pengerusi LPU, pengurusan tertinggi, wakil-wakil staf akademik, staf pentadbiran dan sokongan, mahasiswa dan alumni.

Kementerian juga telah mendapatkan maklumbalas daripada wakil-wakil agensi persekutuan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sesi libat urus bersama Gabungan Majlis Presiden Dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti/IPTA Malaysia (GAKUM) juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas awal tentang proses penggabungan ini.

Dapatan awal perbincangan dengan pihak berkepentingan ini telah memperlihatkan keupayaan dan potensi UMT dan UniSZA sebagai

NO. SOALAN : 24

sebuah universiti baharu yang menjadi peneraju terulung dalam integrasi keilmuan Islam dan sains terutamanya dalam bidang Ilmu Peradaban Islam dan Sains Kelautan. Ini termasuk:

1. Melonjakkan pencapaian dan kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pengantarabangsaan;
2. Melipat ganda kapasiti, keberhasilan dan impak sumber manusia, kepakaran dan fasiliti universiti;
3. Perluasan akses dan kemudahan, fasiliti, infrastruktur kepada para pelajar dan kakitangan. Perluasan akses dan kemudahan ini akan mempertingkatkan kualiti pembangunan pelajar dari segi akademik dan sahsiah;
4. Menjadi sebuah pusat rujukan kebitaraan di peringkat global dalam era merentas disiplin (transdisciplinary);

Penggabungan ini dijangka bakal memperkasakan hub pendidikan tinggi di negeri Terengganu serta memperkukuhkan kebitaraan bidang fokus sedia ada.

Dalam masa yang sama ia juga akan mengembangkan kebitaraan bidang fokus baharu dapat yang diwujudkan melalui aktiviti *transdisciplinary*.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan penggabungan ini tidak akan merugikan mana-mana pihak yang terlibat kerana ia dapat melonjakkan prestasi dan pencapaian universiti ke tahap yang lebih cemerlang di peringkat negara dan antarabangsa.

Dalam masa yang sama, perkara ini masih di dalam peringkat Jawatankuasa Pemandu. Sesi libat urus bersama pihak berkepentingan akan diteruskan bagi melibatkan lebih ramai pemegang taruh dalam proses perbincangan.

Sekian, terima kasih.

RJM 02

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bahawa kes jerebu merentasi sempadan negara yang sering berulang kali berlaku dari semasa ke semasa, apakah langkah yang Kerajaan telah dan sedang ambil untuk mengatasi kacau ganggu jerebu di peringkat nasional dan antarabangsa dan apakah anggaran kerugian yang dialami negara berikutan jerebu melanda negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Punca utama insiden jerebu tahun ini adalah daripada jerebu merentas sempadan seperti yang boleh disemak melalui laman web ASEAN Specialised Meteorological Centre di <http://asmc.asean.org> walaupun terdapat beberapa insiden pembakaran terbuka tempatan.
2. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti berikut:
 - (i) mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi menangani masalah pembakaran terbuka dan jerebu di dalam negara; dan
 - (ii) mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan lain-lain yang sering terbakar dengan mengadakan operasi bersepadu dengan agensi agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan.
3. Bagi menangani jerebu merentas sempadan pula, langkah-langkah tersebut telah diambil:
 - (i) Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysias (TUDM) telah menjalankan operasi pembenihan awan sebanyak 3 kali di Semenanjung Malaysia dan 3 kali di Sarawak dari 12 hingga 23 September 2019 bagi mengurangkan kesan jerebu merentas sempadan;

- (ii) MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah mengutuskan surat bertarikh 6 September 2019 kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Malaysia telah meminta pihak Indonesia mengambil tindakan segera memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia;
- (iii) MESTECC telah mengadakan perjumpaan dengan wakil kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur pada 10 September 2019 dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan/ladang di Indonesia;
- (iv) pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu merentas sempadan;
- (v) MESTECC telah mengutuskan surat kepada *ASEAN Secretariat* pada 20 September 2019 bagi mencadangkan supaya diadakan mesyuarat *tele-conference* khas di peringkat Menteri untuk membincangkan isu jerebu merentas sempadan; dan
- (vi) memainkan peranan aktif dalam Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution dan ASEAN Ministerial On Environment (AMME)* yang akan diadakan dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia dan akan menyetujui isu jerebu merentas sempadan serta tindakan yang perlu diambil oleh negara anggota ASEAN.

4. Bagi langkah jangka panjang, MESTECC sedang mengkaji untuk menggubal undang undang diperingkat persekutuan dalam menangani isu pencemaran alam sekitar merentas sempadan termasuk jerebu. Dengan adanya undang-undang ini, tindakan boleh

NO. SOALAN : 25

diambil ke atas individu/syarikat tempatan yang beroperasi di luar negara yang menjadi punca berlakunya kebakaran hutan/ladang yang menyebabkan jerebu merentas sempadan.

5. Selain itu, Kementerian telah mengumumkan bahawa dana akan diperuntukkan untuk penyelidikan bagi pengurusan pembakaran kawasan tanah gambut yang kering supaya teknologi dan kaedah baru dapat dibangunkan untuk menangani pembakaran tanah gambut di Malaysia, dan sekiranya berjaya, dapat dikongsi bersama negara Indonesia.

6. Pada masa ini, kos kerugian akibat insiden jerebu bagi tahun 2019 belum dapat dianggarkan. Walau bagaimanapun, berdasarkan Kajian Impak Jerebu ke atas Alam Sekitar dan Sosioekonomi yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada tahun 2015, kerugian dianggarkan mencecah RM1.16 bilion meliputi penyusutan sektor pelancongan, pengangkutan, perikanan, pertanian dan pembatalan acara sukan. Selain itu, rakyat terpaksa menanggung pembiayaan rawatan kesihatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
(PADANG BESAR)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- a. Berapa jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan serta nyatakan kewarganegaraan asal pemohon yang berjaya; dan
- b. Adakah Kementerian bersedia untuk mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu pemberian kad pengenalan biru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemohon kewarganegaraan yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia bagi tempoh dari tahun 2014 sehingga 15 September 2019 mengikut lima (5) negara asal pemohon yang tertinggi adalah seperti berikut:-

- i. Indonesia seramai 8,383 orang;
- ii. Thailand seramai 2,073 orang;
- iii. India seramai 1,818 orang;
- iv. Philipines seramai 1,108 orang dan
- v. Singapura seramai 369 orang.

b) Berhubung dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kes penjualan MyKad seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah diberikan kuasa penuh untuk melaksanakan menyiasat dan mendakwa pihak yang didapati bersalah. Sehubungan dengan itu, buat masa ini tiada keperluan untuk menubuhkan RCI berasingan bagi menyiasat kes tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) berapa jumlah tadika prasekolah yang dikendalikan pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan seperti prasekolah KPM, Tabika KEMAS, Taska Permata KEMAS dan Tabika Perpaduan; dan
- b) berapa jumlah pelajar dan peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk setiap tadika prasekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga (3) agensi yang melaksanakan prasekolah di bawah sektor awam iaitu Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Tadika KEMAS, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Tabika Perpaduan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri. Terdapat juga tadika-tadika swasta yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia seperti mana yang tertakluk di bawah Seksyen 20, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

Selain daripada itu, KPM juga mengendalikan Pusat Pendidikan Intervensi Awal GENIUS Kurnia di bawah Program GENIUS Kurnia yang menyediakan perkhidmatan intervensi dan pendidikan awal untuk kanak-kanak autisme merangkumi perkhidmatan pra sekolah, intervensi awal serta pendidikan komuniti.

Berdasarkan rekod KPM pada 30 Ogos 2019, jumlah kelas prasekolah KPM adalah sebanyak 9,479 kelas prasekolah dan satu Pusat Pendidikan Intervensi Awal GENIUS Kurnia. Manakala di bawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri, terdapat sebanyak 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 buah Taska Perpaduan.

- (b) Berdasarkan rekod sehingga 30 Ogos 2019, sejumlah 205,199 orang kanak-kanak sedang menerima pendidikan di prasekolah di bawah KPM. Jumlah peruntukan belanja mengurus bagi prasekolah adalah RM732,534,300.00. Sementara itu, terdapat 38,250 kanak-kanak mendapat pendidikan di Tabika Perpaduan dan 927 kanak-kanak mendapat pendidikan di Taska Perpaduan. Peruntukan bagi pengendalian Tabika dan Taska Perpaduan ini adalah sebanyak RM20.9 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DATUK AZEEZ
RAHIM (BALING)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi Kementerian untuk menghentikan sindiket penjualan dokumen MyKad dan sijil kelahiran kepada warga asing dan adakah Kerajaan bersedia menubuhkan jawatankuasa khas atau Suruhanjaya Siasatan Di Raja (RCI) bagi menyiasat perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius kes penjualan kad pengenalan MyKad kepada warga asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat dan mendakwa pihak yang didapati bersalah.

Satu Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem Penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KDN telah diadakan pada 18 September 2019 telah memutuskan beberapa langkah penambahbaikan serta-merta dan strategi memperkemas sistem penyampaian JPN termasuk memperketat Prosedur Pengendalian Standard (SOP) sedia ada JPN seperti mana berikut:-

- a. Kelulusan permohonan pendaftaran lewat kelahiran hanya dibuat di Ibu Pejabat JPN Putrajaya bagi permohonan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Manakala bagi permohonan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sarawak Cap. 10) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap. 123), kelulusan permohonan masing-masing dibuat di Ibu Pejabat JPN Negeri dengan kehadiran wakil daripada Ibu Pejabat JPN Putrajaya sebagai Ahli Panel;
- b. Meningkatkan kekerapan proses naziran secara mengejut di semua bahagian di JPN termasuk terhadap *vendor* yang terlibat bagi memastikan pematuhan semua tatacara yang telah ditetapkan;
- c. Menambah baik aras keselamatan berperingkat agar tidak lagi boleh diakses dengan mudah oleh semua pegawai, sebaliknya perlu melalui verifikasi daripada pegawai atasan;

SOALAN NO : 28

- d. Menukar pegawai JPN secara pusingan (*rotation*) bagi mengelakkan satu-satu pegawai berada di posisi sama lebih daripada dua (2) tahun, untuk meminimumkan salah guna kuasa;
- e. Menyemak semula semua Sijil Kelahiran yang belum dituntut untuk dinyahaktifkan dari pangkalan sistem bagi mengelakkan daripada disalah guna; dan
- f. Untuk jangka masa panjang, KDN akan meneliti cadangan mewujudkan Bank Data *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) dan maklumat-maklumat biometrik yang lain untuk dimasukkan dalam Sijil Kelahiran supaya dapat mengekang penyalahgunaan dokumen berkenaan.

Berhubung dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kes penjualan MyKad seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah diberikan kuasa penuh untuk melaksanakan menyiasat dan mendakwa pihak yang didapati bersalah. Sehubungan dengan itu, buat masa ini tiada keperluan untuk menubuhkan RCI berasingan bagi menyiasat kes tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap pihak nelayan yang menunda sauk hingga mengakibatkan paip air di dasar laut yang membekalkan air ke Langkawi sering mengalami kerosakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, tiada larangan khusus dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) kepada nelayan untuk tidak menjalankan aktiviti menangkap ikan di kawasan sensitif seperti di saluran paip air di dasar laut. Walau bagaimanapun, DOF hanya menetapkan larangan kawasan operasi menangkap ikan bagi vesel pukat tunda zon B di kawasan seperti berikut:

- (i) Kurang dari 8 batu nautika dari pulau-pulau berpenduduk; dan
- (ii) Kurang dari 8 batu nautika dari kawasan tukun tiruan yang diwartakan / pelantar minyak.

2. Bagi mengelakkan berlakunya kebocoran saluran paip air di dasar laut akibat daripada aktiviti menunda, DOF bersedia untuk bekerjasama dengan pihak yang berkepentingan dalam mengenal pasti kawasan sensitif dan menambah lokasi larangan operasi menangkap ikan di dalam Dasar dan Prosedur Pelesenan dan Peralatan Menangkap Ikan berdasarkan kepada keperluan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASSAN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk memperkemas dan memperketatkan SOP serta undang-undang berkaitan kewarganegaraan bagi pemohon yang berumur 21 tahun ke atas dan kanak-kanak berumur 21 tahun ke bawah agar usaha pihak tertentu yang mahu menjual kedaulatan Negara dapat dihalang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang giat menjalankan penambahbaikan komprehensif terhadap Prosedur Pengendalian Standard (SOP) permohonan kewarganegaraan. Penambahbaikan tersebut adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta perundangan seperti pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, peraturan imigresen, keberadaan yang sah serta perundangan lain yang berkaitan. Selain daripada itu, ia turut mengambil kira pelbagai aspek seperti kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

SOALAN NO : 30

Antara langkah yang sedang diambil dalam menangani isu permohonan kewarganegaraan selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan anak, peraturan imigresen dan lain-lain adalah seperti berikut:-

- a) Penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan yang mana kewarganegaraan individu ditentukan berdasarkan status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa sewaktu kelahiran; dan
- b) Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan bagi individu berkelayakan sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian selaras dengan usaha KDN ke atas penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard (SOP) permohonan kewarganegaraan.

Sukacita diingatkan bahawa ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Bukan Warganegara adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan menerap pengajaran Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) di dalam silibus sekolah kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fakta berkaitan Perjanjian Malaysia (MA63) sememangnya telah dimasukkan dalam kurikulum Sejarah. Perjanjian Malaysia ini diajarkan di bawah tajuk Pembentukan Malaysia dan merupakan peristiwa bersejarah bagi negara yang perlu dipelajari oleh murid sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah.

Penjelasan sejarah Pembentukan Malaysia dan Perjanjian Malaysia (MA63) dinyatakan mengikut aras dan tahap keupayaan murid. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia sekali lagi ingin menegaskan bahawa tajuk berkaitan Perjanjian Malaysia (MA63) telah sedia ada dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah di peringkat rendah dan menengah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berapakah jumlah pelaburan terkini oleh Kerajaan dan swasta sehingga September 2019 dalam sektor tenaga boleh diperbaharui negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pembangunan projek-projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) adalah bersifat "*business driven*" yang diterajui oleh pihak industri. Sehingga 31 Ogos 2019, nilai pelaburan dalam pembangunan projek-projek TBB menerusi program *Feed-in Tariff* (FiT), *Net-Energy Metering* (NEM) dan *Large Scale Solar* (LSS) dianggarkan berjumlah sebanyak RM14.1 bilion. Nilai pelaburan dijangka akan mencapai RM33 bilion dalam usaha kerajaan mencapai 20% TBB menjelang tahun 2025. Peruntukan Kerajaan tidak digunakan dalam melaksanakan projek-projek ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mekanisme terbaharu pembayaran semula pinjaman pendidikan PTPTN yang disyorkan Panel Penasihat Khas selepas laporan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) 2019 dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah mengenalpasti mekanisme terbaharu bayaran balik pinjaman seperti mana yang telah disyorkan hasil daripada sesi konsultasi rakyat. Mekanisme tersebut telah diperhalusi oleh Jawatankuasa Penasihat Bebas bagi mengenal pasti cadangan terbaik yang akan diguna pakai sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN. Pada masa ini, Kementerian sedang memuktamadkan syor-syor mekanisme pembayaran semula pinjaman pendidikan PTPTN untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Zakir Naik masih dilindungi oleh Kerajaan walaupun beliau dikehendaki oleh pihak berkuasa di India atas tuduhan pengubahan wang haram.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permintaan ekstradisi Dr. Zakir Naik daripada Kerajaan India pada 19 Januari 2018 atas tuduhan pengubahan wang haram dan mempromosikan keganasan.

Kerajaan telah membuat pertimbangan berdasarkan peruntukan di dalam Triti Ekstradisi di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan India serta Akta Ekstradisi 1992 dengan mengambil kira penelitian terhadap bukti-bukti yang dikemukakan termasuk semua faktor dan fakta kes.

Kerajaan Malaysia memutuskan untuk tidak mengekstradisi Dr. Zakir Naik ke negara India kerana Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) memperuntukkan *Restrictions on return of fugitive criminals* termasuk kesalahan yang pemulangannya bersifat politik, tujuan membicarakan, menghukum berdasarkan kesalahan bersifat politik atau dia mungkin terjejas dalam perbicaraannya atau dihukum oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya bagi maksud mendakwa atau menghukum.

Selain itu, terdapat peruntukan Akta Ekstradisi 1992 untuk tidak meneruskan proses ekstradisi dengan mengambil kira segala hal keadaan demi kepentingan keadilan jika orang yang dikehendaki tersebut tidak akan mendapat keadilan jika dihantar pulang atau terdapat suatu penindasan atau ancaman nyawa terhadapnya.

Semakan terhadap Dr. Zakir Naik juga mendapati beliau tidak tersenarai dalam *red notice Interpol* dan entiti penganas di dalam senarai United Nation Security Council Resolutions (UNSCR) sebagai orang yang dikehendaki mahu pun penganas yang disyaki.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) tahap kesiapsiagaan dan keupayaan combat setiap perkhidmatan ATM untuk beroperasi (mission capable) berbanding sebelum ini ; dan
- (b) menyatakan matrik perbandingan status pengoperasian setiap aset major ketiga-tiga perkhidmatan (Kenderaan Tempur TD, Kapal TLDM, Pesawat Udara TUDM) sebelum dan selepas Pakatan Harapan mengambil alih Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sangat prihatin dan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan kesiapsiagaan dan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk beroperasi (mission capable) sentiasa berada ditahap yang terbaik.

Bagi menentukan misi ini tercapai, status pengoperasian setiap aset strategik ketiga-tiga Perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara) sentiasa dipantau oleh pucuk pimpinan tertinggi ATM menerusi Jawatankuasa Pemantauan Kesiagaan Aset ATM.

Secara keseluruhannya, status pengoperasian aset-aset strategik ketiga-tiga perkhidmatan seperti kenderaan tempur darat, kapal TLDM dan pesawat udara TUDM berada di dalam keadaan baik, selaras dengan keperluan penugasan operasi yang telah ditetapkan. Ini bagi menjamin kedaulatan negara dan keutuhan wilayah sentiasa terpelihara dalam menghadapi pelbagai ancaman berbentuk tradisional dan bukan tradisional. Untuk perolehan aset-aset baru, kementerian sedang mengorak langkah bagi membuat penggantian sepertimana yang telah dirancang di dalam Kertas Putih Pertahanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Zamri Vinoth dan Riduan Tee tidak didakwa walaupun ucapan-ucapan mereka boleh menggugat perpaduan kaum di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan komited dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini sentiasa terpelihara. Pihak berkuasa keselamatan khususnya Polis DiRaja Malaysia tidak berkompromi ke atas sebarang ancaman dan perbuatan dilakukan oleh mana-mana pihak yang cuba menggugat perpaduan kaum yang dinikmati oleh rakyat Malaysia selama ini. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba mencetuskan huru-hara atau melakukan provokasi dalam apa jua bentuk sekalipun sama ada penulisan, ucapan atau penyebaran berita yang boleh menyebabkan suasana yang tidak tenteram di dalam masyarakat.

SOALAN NO : 37

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis telah membuka dua (2) kertas siasatan berhubung dengan kes Zamri Vinoth. Siasatan yang pertama adalah berdasarkan laporan polis iaitu Repot 7484/19 bertarikh 15 Ogos 2019 yang disiasat di bawah Seksyen 505 (c) Kanun Keseksaan mengenai kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam dengan niat hendak mengapikan atau yang mungkin mengapikan mana-mana golongan atau kaum melakukan sesuatu kesalahan terhadap mana-mana golongan atau kaum lain dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 mengenai penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. Kertas siasatan berkenaan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya dan arahan kes adalah Tiada Tindakan Lanjut (NFA).

Manakala bagi siasatan yang kedua pula adalah berdasarkan laporan polis iaitu Repot 3797/19 bertarikh 26 April 19 yang disiasat di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan dan sebagainya di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dan sebagainya, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. Pihak polis masih menjalankan siasatan ke atas laporan kes ini.

Manakala bagi yang kes melibatkan Prof Dr Mohd Ridduan Tee Abdullah, pihak polis telah membuka satu kertas siasatan berkait dengan Permas Jaya Repot 5220/19 bertarikh 27 Ogos 2019 yang disiasat di bawah Seksyen 505(c) Kanun Keseksaan iaitu kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam dengan niat hendak mengapikan atau yang mungkin mengapikan mana-mana golongan atau kaum melakukan sesuatu kesalahan terhadap mana-mana golongan atau kaum lain) dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. Siasatan kes ini masih dijalankan oleh pihak polis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan Kementerian terhadap pembinaan sekolah moden untuk menggantikan dan menggabungkan sekolah kurang murid (SKM) terutamanya bagi kawasan pedalaman di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggabungan sekolah kurang murid (SKM) merupakan salah satu strategi di bawah Inisiatif Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid (SKM) selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 di mana sekolah yang menjadi sekolah induk akan ditambah baik dengan menyediakan kemudahan yang lebih kondusif bagi keselesaan murid.

Namun demikian, pelaksanaan inisiatif penggabungan SKM ini ditangani secara kes demi kes dan tertakluk kepada kriteria seperti yang berikut:

1. Enrolmen yang sangat rendah dan tidak optimum dari segi pengurusan sekolah;
2. Keadaan fizikal atau persekitaran sekolah yang tidak selamat atau kondusif;

3. Terdapat sekolah yang sama aliran dalam jarak yang boleh diakses;
4. Kesiediaan murid dan ibu bapa; dan
5. Persetujuan komuniti setempat.

Berdasarkan data pada 30 April 2019, terdapat sejumlah 843 buah sekolah rendah di negeri Sarawak yang mempunyai enrolmen 150 murid dan ke bawah. Daripada jumlah tersebut daerah Kanowit mempunyai sebanyak 28 buah sekolah yang termasuk dalam kategori SKM.

Merujuk kepada Pelan Tindakan Penggabungan Sekolah bagi negeri Sarawak oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak, didapati bahawa terdapat keperluan untuk sekolah berstatus SKM yang berada di kawasan sedia ada disebabkan oleh faktor fizikal serta penempatan komuniti yang memerlukan sebuah sekolah di kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun KPM melalui JPN Sarawak akan mengenal pasti sekolah-sekolah yang berada dalam keadaan daif dan perlu dinaik taraf bagi memastikan murid di sekolah-sekolah berkenaan dapat menikmati kemudahan yang kondusif, selesa dan selamat. Sekiranya terdapat keperluan kritikal untuk menaik taraf sekolah-sekolah sedia ada, maka permohonan hendaklah dikemukakan kepada JPN untuk diangkat kepada agensi pusat untuk kelulusan berdasarkan kemampuan kewangan sedia ada kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
(PUTATAN)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan cadangan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah berkenaan cadangan untuk menubuhkan sebuah lagi markas tentera darat di kawasan Pantai Timur Negeri Sabah. Memandangkan Tentera Laut Diraja Malaysia telah melakukan perubahan khususnya dari segi pergerakan aset dan anggota bagi mengukuhkan aspek keselamatan di perairan negara. Perpindahan Markas Wilayah Laut II dari Sepanggar ke Sandakan dan perpindahan aset dari Lumut dan Kuantan ke negeri Sabah untuk memantapkan kesiapsiagaan perairan negeri Sabah. Namun demikian, impaknya seperti tidak begitu memberikan kesan kepada penjenayah-penjenayah rentas sempadan ini dengan berlakunya siri penculikan yang terbaru adalah pada bulan Jun 2019 yang melibatkan 10 orang mangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa peka akan aspek keselamatan yang mesti dipandang serius dalam memastikan keamanan di seluruh negeri Sabah amnya dan di Pantai Timur Sabah khasnya. Bagi memastikan keselamatan dan keamanan tersebut, Pelan Strategik Tentera Darat telah memperkukuhkan Divisyen Ke-5 Infantri yang sebelum ini dikenali sebagai *Task Force* 450 dan ditempatkan di Kota Kinabalu untuk memerintah 3 buah Briged Infantri di seluruh negeri Sabah seperti berikut:

1. **Keselamatan Pantai Barat Sabah**. Briged Ke-5 Infantri yang berada di Lok Kawi telah dipindahkan ke Kota Belud untuk mengawal keseluruhan keselamatan Pantai Barat Sabah;
2. **Keselamatan Pantai Timur Sabah**. Briged Ke-13 (ESSCOM) yang telah ditukar nama menjadi Briged Ke-13 Infantri berpangkalan di Cenderawasih, Lahad Datu untuk mengawal keseluruhan keselamatan Pantai Timur Sabah; dan
3. **Keselamatan Sempadan Daratan Sabah/Indonesia**. Briged Ke-32 Infantri dirancang ditubuh baru dalam RMK 12 di sekitar Kalabakan untuk mengawal keselamatan sempadan daratan Sabah/Kalimantan Timur (Indonesia).

Pengawasan keselamatan di negeri Sabah dan khususnya di kawasan Pantai Timur, Sabah secara keseluruhannya turut diperkukuhkan dengan pemantauan oleh Markas Angkatan Tugas Bersama 2 di Kem Kukusan, Tawau secara bersama oleh ketiga-tiga perkhidmatan. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menempatkan Markas Pemerintahan Armada Timur di Kota Kinabalu bagi memerintah Pangkalan Laut di Sabah dan Sarawak, manakala Markas Wilayah Laut 2 telah di tempatkan di Sandakan bagi memantau Pantai Timur Sabah. Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pula menempatkan Markas Wilayah Udara 2 di Labuan serta Pusat Bantuan Operasi Udara di Tawau bagi memantau keselamatan ruang udara keseluruhan negeri Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- a) apakah status pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) seperti dalam Manifesto Pilihan Raya Pakatan Harapan; dan
- b) apakah laporan perkembangan sejak pembentukan jawatankuasa khas mengenai pengiktirafan UEC semenjak Oktober 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, status pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) masih kekal seperti sedia ada kerana Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) sedang dalam proses akhir kajian mengenai isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pada masa kini, PPDUEC dalam peringkat akhir penulisan laporan mengenai isu UEC. Dapatan dan syor-syor berkaitan akan diteliti oleh pihak Kementerian dan seterusnya akan diangkat kepada Jemaah Menteri untuk keputusan dasar mengenai isu pengiktirafan sijil UEC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian akan memberi semula geran padanan kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC) memandangkan buat kali pertama pada tahun 2019 TAR UC tidak menerima geran padanan dalam tempoh 50 tahun penubuhannya dan geran padanan sememangnya merupakan komitmen Kerajaan terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian geran kerajaan dalam bentuk geran sepadan atau *matching grant* sehingga maksimum berjumlah RM60 juta setahun telah diberikan kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR) setelah ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555) mengikut mekanisme yang telah ditetapkan. Geran padanan ini adalah bertujuan untuk membantu kos pengoperasian KUTAR sejak penubuhannya pada tahun 1968.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengemukakan permohonan bidaan bagi geran padanan kepada KUTAR berjumlah RM30 juta dalam Mesyuarat Pemeriksaan Bajet Tahun 2019. Walau bagaimanapun pemberian geran sepadan adalah tertakluk kepada kemampuan dan keupayaan kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Bagi mengatasi ketiadaan geran padanan ini, KPM bersetuju supaya kadar yuran kursus pengajian pelajar tempatan bagi institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang mendapat penarafan MyQUEST 6, SETARA 5 dan 6 adalah sebagaimana yang dipohon oleh IPTS.

Perkara ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri KPM Bil 6/2019 bertarikh 15 Mac 2019. Manakala kriteria kenaikan yuran bagi pelajar tempatan adalah sebanyak 3 peratus setahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BIN HAJI ABDUL
KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menjayakan pelaksanaan Projek Jelapang Padi di Batang Lupar. Bilakah projek tersebut dijangka siap dilaksanakan dengan sempurna (merangkumi pembangunan infrastruktur utama, sekunder dan tertier).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar diwujudkan pada tahun 2014 sebagai peneraju utama jelapang padi yang baharu di Negeri Sarawak. Ianya dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara umumnya dan Sarawak khususnya. Pembangunan jelapang padi ini merangkumi kawasan Stumbin, Bijat, Gran, Entulang, Seduku dan Lingga-Banting seluas 5,100 hektar. Kawasan tersebut dicadangkan kerana kesesuaian tanah dan ketersediaan kawasan bertanam padi yang luas selain petani yang ramai terlibat dengan tanaman padi.

Pada masa ini, pihak Kementerian sedang giat membangunkan projek-projek infrastruktur pertanian seperti membina, menaiktaraf dan menyelenggara infrastruktur pengairan dan saluran sawah di kawasan tersebut. Antara program yang dilaksanakan adalah penyelenggaraan sistem pengairan dan saluran, menaiktaraf jalan ladang, membina lintasan, memasang *culvert* dan tebatan banjir.

Daripada 5,100 hektar kawasan yang dicadangkan untuk jelapang padi, 1,500 hektar telah siap dibangunkan dalam Pakej Bijat-Stumbin Fasa 1 dengan sistem pengairan hingga ke peringkat *secondary pipeline* tetapi tidak meliputi '*tertiary pipeline*' yang mana kawasan yang telah dibangunkan dengan infra ini meliputi Tanjong Bijat, Stumbin, Gran dan Entulang. Walaubagaimanapun, sebahagian kawasan Tanjong Bijat seluas 196 hektar telah dilengkapi dengan '*tertiary pipeline*' yang dibangunkan oleh Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat Dan Pembangunan Wilayah (MANRED) dan dilaksanakan oleh BERNAS sebagai syarikat peneraju. Manakala, bagi Bijat-Stumbin Fasa 2 (Seduku) yang berkeluasan 1,500 hektar masih lagi dalam peringkat penyediaan rekabentuk terperinci untuk dibentangkan dalam makmal *Value Engineering* (VE) dan dijangka akan ditender pada tahun 2021. Anggaran kos keseluruhan pembangunan infra bagi Pakej Bijat-Stumbin Fasa 1 dan Fasa 2 (Seduku) adalah bernilai RM200 juta.

NO. SOALAN : 42

Bagi kawasan Lingga-Banting yang berkeluasan 2,100 hektar pembangunan akan dilaksanakan dalam 3 fasa. Pakej Lingga-Banting Fasa 1 telah ditender pada Disember 2018 dan penilaian tender pembinaan infrastruktur Lingga-Banting Fasa 1 telah selesai di peringkat Lembaga Perolehan MOA dan kini telah diangkat ke Lembaga Perolehan MOF. Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan ditawarkan kepada syarikat yang berjaya pada tahun ini. Pakej Lingga-Banting Fasa 2 pula dijangka akan ditender pada Oktober 2020. Ini disebabkan perlaksanaan Fasa 2 akan hanya boleh dimulakan setelah kemajuan tapak Lingga-Banting Fasa 1 mencapai 50% siap atau komponen jalan ladang siap. Ini adalah kerana jalan ladang Fasa 1 merupakan jalan masuk utama ke Fasa 2 dan Fasa 3. Manakala Pakej Lingga-Banting Fasa 3 dijangka ditender pada tahun 2021 setelah jalan masuk ke Fasa 2 siap dibina. Pembangunan infra Pakej Lingga-Banting bagi Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 ini dianggarkan melibatkan kos sebanyak RM270 juta.

Bagi memastikan Projek Jelapang Padi di Batang Lupar ini dapat dijayakan, maka IADA Batang Lupar juga telah melaksanakan Program Hari Bersama Pelanggan Dan *Sesi Engagement* Dengan Penduduk Lingga-Banting pada 3 Julai 2019 bagi memberi kefahaman dan penerangan berkenaan pembangunan infra yang sedang diusahakan dalam usaha membantu meningkatkan hasil pengeluaran padi dengan penggunaan varieti padi moden yang disyorkan.

Pembangunan infrastruktur pertanian ini amat penting bagi menyediakan kawasan tanaman padi yang sesuai dan pembangunan projek-projek pertanian yang lain bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi petani di kawasan tersebut. Pihak Kementerian akan terus berusaha membangunkan keseluruhan kawasan ini dengan infrastruktur yang lengkap dengan pembangunan kawasan tanaman padi dalam RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 09 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- (a) apakah justifikasi pihak Kerajaan memberikan kuasa kepada PIBG sekolah vernakular bagi menentukan keizinan pelaksanaan pembelajaran tulisan jawi yang melibatkan murid Darjah 4 tahun 2020; dan
- (b) langkah Kementerian memperkasa tulisan jawi sebagai warisan sejarah negara dalam kalangan murid berbilang bangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pengenalan tulisan Jawi dilaksanakan sebagai pengisian tambahan dalam aspek seni penulisan/ bahasa dan untuk memperkaya murid dengan pengetahuan mengenai seni, warisan dan sejarah bahasa Melayu. Pengisian ini dilaksanakan melalui pembelajaran di dalam buku teks Bahasa Melayu Tahap II. Tulisan Jawi dilaksanakan melalui semakan semula Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi murid Tahap II yang bermula dengan melibatkan Tahun 4 pada tahun 2020, Tahun 5 pada tahun 2021 dan Tahun 6 pada tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 memutuskan supaya pengenalan tulisan Jawi diteruskan bagi semua sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dengan syarat dilaksanakan hanya jika dipersetujui oleh Persatuan

Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta ibu bapa dan murid SJK berkenaan. Perkara ini selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa Guru) 1998, iaitu tujuan persatuan adalah untuk mengadakan sesuatu forum dan perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam sekolah. PIBG juga memberi peluang kepada ibu bapa dan guru dalam sekolah berunding untuk memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka.

(b) KPM telah melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan tulisan jawi sebagai sejarah warisan negara terus diperkasakan dalam kalangan murid berbilang bangsa. Antara langkah tersebut adalah seperti berikut iaitu:

1. memperkenalkan aspek seni bahasa dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu (KSSR) Tahap II iaitu Tahun 4 bermula tahun 2020;
2. menyelaraskan sistem ejaan jawi melalui pengemaskinian Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu yang lengkap dengan daftar kata sebagai rujukan;
3. menyediakan ruang penulisan tulisan Jawi dalam majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti Tamadun Islam, Tunas Cipta, Dewan Pelajar dan lain-lain yang boleh disebarkan kepada semua murid pelbagai kaum;
4. menghasilkan bahan ilmiah dalam tulisan Jawi seperti Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi, Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu, Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi dan Panduan Menulis dan Mengeja Jawi;
5. menjalankan kajian berteraskan tulisan Jawi dalam manuskrip lama dari sudut kebahasaan dan kesusasteraan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat;
6. melantik Munsyi Dewan (Jawi) dalam kalangan penggiat tulisan Jawi. Sehingga kini, terdapat seramai 51 orang telah dilantik sebagai Munsyi Dewan (Jawi);

NO. SOALAN : 43

7. melaksanakan program dan klinik Jawi seperti Kursus Pembinaan Munsyi Dewan (Jawi) dan Kursus Pengkaedahan Jawi Guru KAFA;
8. menyediakan khidmat penyemakan dan pengesahan ejaan tulisan Jawi;
9. menjalinkan kerjasama dengan Majlis Dakwah Negara (MDN), dengan menubuhkan Panel Memperkasa Tulisan Jawi yang bertujuan menyatukan institusi, pertubuhan dan pihak yang berusaha memartabatkan penggunaan tulisan Jawi di negara ini;
10. memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sejak pelaksanaan KBSR pada tahun 1982 dan diteruskan lagi dalam pelaksanaan KSSR semakan;
11. memperkenalkan Kelab Jawi dan Khat di sekolah sejak tahun 2008 melalui Surat pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 Tahun 2008 berkaitan Penubuhan Persatuan Bahasa Arab dan Kelab Jawi dan Khat di Sekolah Rendah yang Melaksanakan Program j-QAF.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS
JOHNITY ONGKILI (KOTA MARUDU)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI [KOTA
MARUDU]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah
matlamat yang ingin dicapai dengan pelaksanaan Pas Sementara Sabah
(PSS) dan apakah mekanisme serta kriteria bagi 600,000 Pendatang
Tanpa Izin (PTI) yang bakal diberi PSS ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaksanaan Pas Sementara Sabah (PSS) adalah bertujuan untuk menyeragamkan kepelbagaian dokumen yang dimiliki oleh warga asing atau *displaced person* di Sabah iaitu pemegang dokumen IMM13 yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Kad Burung-Burung yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Sijil Banci yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah, Majlis Keselamatan Negara Sabah. Keseragaman dokumen ini dilakukan bagi memudahkan pengecaman dan operasi oleh pihak penguatkuasa.

PSS hanya akan dikeluarkan kepada pemegang dokumen sedia ada yang telah disahkan oleh agensi pengeluar yang berkaitan. Selain itu, semakan silang data antara agensi juga dilaksanakan bagi memastikan pemegangnya adalah tulen sebelum PSS dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dokumen pengenalan diri seperti Kad Burung-Burung dan Sijil Banci tidak diiktiraf oleh agensi penguatkuasa kerana dokumen tersebut bukan merupakan dokumen imigresen bagi tujuan keberadaan di Malaysia selaras dengan Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Sehubungan itu, PSS adalah suatu dokumen imigresen yang membenarkan pemegangnya untuk tinggal secara sementara di Malaysia secara sah. PSS juga adalah sebagai mekanisme kawalan keberadaan dan pergerakan warga asing di Sabah. PSS akan dikeluarkan dalam bentuk kad yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti biometrik dan mempunyai nombor ID yang unik yang membezakan PSS dengan pas-pas imigresen sedia ada.

Satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan di peringkat Negeri Sabah yang terdiri daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah dan Jabatan Ketua Menteri Sabah bagi memperincikan mekanisme pelaksanaan PSS ini seterusnya memastikan kelancaran operasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi masalah jerebu di Malaysia akibat pembakaran hutan dari Indonesia dan apakah bentuk kajian penggunaan teknologi yang lebih menyeluruh oleh Kementerian selain pembenihan awan bagi mengurangkan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah jerebu yang berpunca daripada kebakaran hutan di Indonesia seperti berikut:

- (i) MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah mengutuskan surat bertarikh 6 September 2019 kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Malaysia telah meminta pihak Indonesia mengambil tindakan segera memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia;
- (ii) MESTECC telah mengadakan perjumpaan dengan wakil kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur pada 10 September 2019 dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan/ladang di Indonesia;
- (iii) pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu merentas sempadan;
- (iv) MESTECC telah mengutuskan surat kepada *ASEAN Secretariat* pada 20 September 2019 bagi mencadangkan supaya diadakan mesyuarat *tele-conference* khas di peringkat Menteri untuk membincangkan isu jerebu merentas sempadan; dan

NO. SOALAN : 45

- (v) delegasi Malaysia akan menghadiri mesyuarat khas bersama negara-negara ASEAN bagi membincangkan isu jerebu merentas sempadan yang akan diadakan pada 6 Oktober 2019 bersempena dengan penganjuran Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution dan ASEAN Ministerial on Environment (AMME)* dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia.

2. MESTECC melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) telah melakukan pembenihan awan bagi mengatasi masalah jerebu di Malaysia akibat pembakaran hutan dari Indonesia. Bagi penggunaan teknologi mengurangkan jerebu merentas sempadan, setakat ini Kaedah Pembenihan awan adalah teknologi terbaik yang dapat dikenal pasti bagi mengurangkan kesan jerebu merentas sempadan di Malaysia.

3. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengumumkan bahawa dana akan diperuntukkan untuk penyelidikan bagi pengurusan pembakaran kawasan tanah gambut yang kering supaya teknologi dan kaedah baru dapat dibangunkan untuk menangani pembakaran tanah gambut di Malaysia, dan sekiranya berjaya, dapat dikongsi bersama negara Indonesia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MUHAMMAD ZAWAWI B. SALLEH
(PASIR PUTEH)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian rasmi Kerajaan berkenaan Dr. Zakir Naik dan adakah Kerajaan akan terus melarangnya berdakwah secara umum di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permintaan ekstradisi Dr. Zakir Naik daripada Kerajaan India pada 19 Januari 2018 atas tuduhan pengubahan wang haram dan mempromosikan keganasan.

Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk tidak mengekstradisi Dr. Zakir Naik ke negara India kerana Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) memperuntukkan *Restrictions on return of fugitive criminals* termasuk kesalahan yang pemulangannya bersifat politik, tujuan membicarakan, menghukum berdasarkan kesalahan bersifat politik atau dia mungkin terjejas dalam perbicaraannya atau dihukum oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya bagi maksud mendakwa atau menghukum. Selain itu, terdapat peruntukan untuk tidak meneruskan proses ekstradisi dengan mengambil kira segala hal keadaan demi kepentingan keadilan jika orang yang dikehendaki tersebut tidak akan mendapat keadilan jika dihantar pulang atau terdapat suatu penindasan atau ancaman nyawa terhadapnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Polis Diraja Malaysia telah membuka dua kertas siasatan terhadap pendakwah Dr. Zakir Naik berhubung ceramah beliau di Kelantan pada 7-9 Ogos 2019. Kedua-dua kertas siasatan ini dibuka berdasarkan laporan polis yang telah diterima dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan lanjut.

Pada masa ini, Dr. Zakir Naik dilarang memberikan ceramah secara umum sehingga siasatan polis selesai. Beliau juga diingatkan supaya tidak membuat sebarang kenyataan berkenaan isu-isu politik, perkauman dan perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti masyarakat di Malaysia. Perkara ini adalah bagi mengelakkan isu beliau daripada dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu sehingga boleh menjadi sentimen perkauman dan agama yang berpotensi menjejaskan ketenteraman awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BT. MOHD YAZID (KUALA
KANGSAR)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah signifikan kemudahan visa semasa ketibaan (Visa-On-Arrival) untuk pelancong dari China dan India yang memasuki negara melalui Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand diperluaskan di enam pintu masuk tambahan bermula 15 Julai 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan kemudahan *Visa On Arrival* (VOA) mulai 15 Julai 2019. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan ialah dengan memperluaskan kemudahan VOA di enam (6) pintu masuk tambahan. Senarai pintu masuk tambahan yang boleh mengeluarkan VOA adalah seperti berikut :-

- (i) Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah;
- (ii) ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah;
- (iii) Lapangan Terbang Antarabangsa Miri, Sarawak;
- (iv) ICQS Sungai Tujoh, Sarawak;
- (v) Terminal Feri Labuan; dan
- (vi) Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah (Skypark Subang).

Kerajaan mengambil maklum bahawa terdapat penurunan ketibaan pelancong asing dari Republik Rakyat China (RRC) ke Malaysia berbanding corak ketibaan pelancong RRC ke destinasi serantau yang lain seperti Thailand dan Indonesia. Ini dipercayai adalah hasil usaha penambahbaikan dan tarikan oleh negara-negara berkenaan termasuk melaksanakan kemudahan VOA serta pengecualian visa kepada pelancong RRC.

Sehubungan itu, bagi menyusul tindakan ke atas perkara tersebut agar Negara kekal kompetitif bagi menggalakkan lebih ramai pelancong asing masuk ke Malaysia dan bersempena dengan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang mensasarkan kemasukan pelancong seramai 30 juta orang, Kerajaan telah bersetuju untuk menambah baik kemudahan VOA.

SOALAN NO : 47

Pintu masuk yang ditambah adalah merupakan antara pintu masuk ke destinasi pelancongan yang utama di negara ini. Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi misalnya mencatatkan kemasukan pelancong RRC dan India bagi bulan Januari hingga Mac 2019 sebanyak 8,380 orang. Manakala bagi pintu masuk Bukit Kayu Hitam mencatatkan kemasukan pelancong seramai 2,195 orang dalam tempoh yang sama.

Dengan penambahan negara Brunei sebagai negara ketiga sebelum memasuki Malaysia, Kerajaan menjangkakan kemasukan pelancong melalui pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Miri, Sungai Tujoh dan Terminal Feri Labuan akan meningkat.

Justeru itu, dengan penambahbaikan kemudahan VOA Kerajaan berharap akan merangsang ketibaan pelancong dan seterusnya menggalakkan pelancong berbelanja lebih di dalam negara. Kementerian Dalam Negeri mengalu-alukan kehadiran pelancong yang akan menyumbang kepada pendapatan dan perkembangan ekonomi negara. Pada masa yang sama, Kementerian ini tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang tidak bertanggung jawab dalam menyalahgunakan kemudahan visa yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF B. ABDUL RAHMAN
(KUALA KRAI)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk memasukkan Tahun Hijri selain Tahun Masihi untuk anak Muslim yang baru lahir semasa proses pendaftaran kelahiran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) buat masa ini melaksanakan pendaftaran kelahiran menggunakan tahun Masihi dalam Sijil Kelahiran. KDN mengambil maklum mengenai cadangan untuk memasukkan tahun Hijri dalam Sijil Kelahiran kanak-kanak beragama Islam seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, KDN perlu membuat kajian dan penelitian lanjut ke atas perkara ini selaras dengan peruntukan perundangan sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR B. RADIN
(KINABATANGAN)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

SOALAN

DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jaminan bahawa Kerajaan akan mengenakan hukuman yang berat terhadap pengkhianat yang menjual kad pengenalan kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) dan apakah langkah-langkah penambahbaikan agar kes-kes seumpama ini tidak akan berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius kes penjualan kad pengenalan MyKad kepada warga asing yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan tidak akan melindungi mana-mana pegawai kerajaan yang terlibat dalam kes berkenaan. Kuasa penuh telah diberikan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat dan mendakwa pihak yang didapati bersalah.

Satu Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem Penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KDN telah diadakan pada 18 September 2019 telah memutuskan beberapa langkah penambahbaikan serta-merta dan strategi memperkemas sistem penyampaian JPN termasuk memperketat

SOALAN NO : 49

Prosedur Pengendalian Standard (SOP) sedia ada JPN seperti mana berikut :

- a. Kelulusan permohonan pendaftaran lewat kelahiran hanya dibuat di Ibu Pejabat JPN Putrajaya bagi permohonan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Manakala bagi permohonan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sarawak Cap. 10) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap. 123), kelulusan permohonan masing-masing dibuat di Ibu Pejabat JPN Negeri dengan kehadiran wakil daripada Ibu Pejabat JPN Putrajaya sebagai Ahli Panel;
- b. Meningkatkan kekerapan proses naziran secara mengejut di semua bahagian di JPN termasuk terhadap *vendor* yang terlibat bagi memastikan pematuhan semua tatacara yang telah ditetapkan;
- c. Menambah baik aras keselamatan berperingkat agar tidak lagi boleh diakses dengan mudah oleh semua pegawai, sebaliknya perlu melalui verifikasi daripada pegawai atasan;
- d. Menukar pegawai JPN secara pusingan (*rotation*) bagi mengelakkan satu-satu pegawai berada di posisi sama lebih daripada dua (2) tahun, untuk meminimumkan salah guna kuasa;
- e. Menyemak semula semua Sijil Kelahiran yang belum dituntut untuk dinyahaktifkan dari pangkalan sistem bagi mengelakkan daripada disalah guna; dan
- f. Untuk jangka masa panjang, KDN akan meneliti cadangan mewujudkan Bank Data *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) dan maklumat-maklumat biometrik yang lain untuk dimasukkan dalam Sijil Kelahiran supaya dapat mengekang penyalahgunaan dokumen berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan dan bantuan-bantuan yang diberikan kepada rakyat, terutama sekali masyarakat miskin luar bandar di Parlimen Tanjong Manis, ketika negara menghadapi masalah jerebu yang berlarutan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Punca utama insiden jerebu tahun ini adalah daripada jerebu merentas sempadan seperti yang boleh disemak melalui laman web ASEAN Specialised Metreological Centre di <http://asmc.asean.org> walaupun terdapat beberapa insiden pembakaran terbuka tempatan.

2. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti berikut:

- (i) mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi menangani masalah pembakaran terbuka dan jerebu di dalam negara; dan
- (ii) mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan lain-lain yang sering terbakar dengan mengadakan operasi bersepadu dengan agensi agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan; Kerajaan melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka dan mengadakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak bagi yang disebabkan oleh punca setempat.

3. Untuk makluman, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui Angkatan Pertahanan Awam (APM) Sarawak telah mengedarkan 500,000 topeng muka kepada orang awam yang terlibat di Sarawak.

NO. SOALAN : 50

4. Bagi mengurangkan kesan negatif jerebu kepada kesihatan awam di Sarawak, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah melakukan 2 operasi *water bombing* di Miri pada 15 dan 19 Ogos 2019, serta 6 operasi di Sri Aman pada 18 hingga 25 September 2019. Manakala Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Tentera Udara Diraja Malaysia dan Jabatan Bekalan Air telah melaksanakan 3 operasi pembenihan awan pada 12, 20 dan 21 September 2019 bagi mengurangkan kesan jerebu kepada penduduk setempat.

5. Selain itu, Kementerian telah mengumumkan bahawa dana akan diperuntukkan untuk penyelidikan bagi pengurusan pembakaran kawasan tanah gambut yang kering supaya teknologi dan kaedah baru dapat dibangunkan untuk menangani pembakaran tanah gambut di Malaysia, dan sekiranya berjaya, dapat dikongsi bersama negara Indonesia.

Sekian, terima kasih.